Kajian ini bertujuan menghasilkan analisis komprehensif berkaitan kadar bekerja graduan, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia yang meliputi aspek status kerjaya seperti kadar bekerja graduan dan tahap pendapatan setara kelayakan pendidikan dan kebolehsuaian graduan dalam pasaran buruh. Dalam konteks pasaran kerja yang semakin kompetitif, data empirikal yang diperoleh melalui Kajian Pengesanan Graduan ini menjadi asas penting kepada penggubalan dasar pembangunan modal insan negara, selain berfungsi memperkukuh jalinan kerjasama strategik antara sektor pendidikan tinggi, pihak industri dan keperluan ekonomi semasa. Antara tujuan dan kepentingan kajian adalah:

i. Mendapat gambaran sebenar kebolehpasaran (employability) dalam kalangan graduan baharu;
ii. Memahami isu-isu berkaitan pekerjaan, kebolehpasaran dan mengetahui majikan graduan;
iii. Mendapat maklum balas dari graduan berkaitan beberapa aspek penting institusi seperti kualiti program pengajian, tenaga pengajar, infrastruktur, prasarana, dan lain-lain; dan
iv. Membantu Kerajaan dalam membuat keputusan dan menggubal polisi berkaitan pekerjaan graduan berasaskan fakta yang jelas.

Secara keseluruhannya, kajian ini berfungsi sebagai rujukan utama dalam menilai kadar bekerja graduan serta menyokong penggubalan dasar pembangunan modal insan negara.

1.3 Skop Kajian

Kajian ini melibatkan semua Institusi Pendidikan Tinggi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang meliputi Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), politeknik, kolej komuniti. Kajian ini turut melibatkan penyertaan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di bawah tujuh (7) kementerian lain. Graduan yang terlibat adalah peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 hingga doktor falsafah (PhD). Bagi memastikan dapatan kajian adalah relevan dan boleh dijadikan rujukan di peringkat nasional, pihak KPT menetapkan bahawa kadar respons minimum mestilah mencapai 85.0 peratus.

1.4 Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan secara dalam talian melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Pihak institusi bertanggungjawab memuat naik maklumat asas graduan melalui Sistem Anjung SKPG mengikut format yang ditetapkan. Data yang diperoleh seterusnya melalui proses semakan, pembersihan dan pengesahan bagi memastikan ketepatan, kesempurnaan dan kebolehpercayaan maklumat yang dikumpulkan.

Bagi mencapai sasaran kadar respons yang tinggi, pihak institusi turut melaksanakan hebahan aktif dan pemantauan berkala sepanjang tempoh kaji selidik dijalankan. Instrumen kajian yang digunakan merangkumi beberapa komponen utama, iaitu profil graduan, maklumat pengajian, status pekerjaan graduan, maklumat pengajian lanjutan, keusahawanan, latihan atau peningkatan kemahiran, serta maklumat berkaitan sektor pekerjaan dan pendapatan graduan.

Analisis data dijalankan berasaskan tarikh akhir (*cut-off date*) yang ditetapkan oleh KPT melibatkan penyediaan jadual, carta, peratusan dan interpretasi dapatan bagi menggambarkan profil serta status pekerjaan graduan. Perbezaan kecil pada nilai jumlah atau peratusan mungkin berlaku akibat daripada proses pembundaran angka.

1.5 Susunan Buku Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2025

Laporan ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian utama yang merangkumi 12 bab, seperti berikut:

a. **Bahagian I: Bab 1** Mengandungi pengenalan, tujuan dan kepentingan kajian, skop kajian serta metodologi kajian.

b. **Bahagian II:** Mengandungi enam (6) bab, dan setiap satu dimulakan dengan dapatan terpilih bagi tahun 2024 dan 2025. Bahagian ini merangkumi bab-bab berikut:

   i. **Bab 2** menghuraikan profil graduan tahun 2025 berdasarkan jenis IPT, status kewarganegaraan, jantina, peringkat serta bidang pengajian.
   ii. **Bab 3** menumpukan kepada kadar bekerja graduan mengikut peringkat pengajian dan jenis IPT.
   iii. **Bab 4** memperincikan maklumat pekerjaan graduan warganegara tahun 2025 yang telah bekerja, meliputi status pekerjaan, sektor pekerjaan, sektor ekonomi, kumpulan pekerjaan serta pendapatan bulanan mengikut peringkat pengajian dan aspek berkaitan lain.
   iv. **Bab 5** menghuraikan maklumat graduan warganegara yang belum bekerja, termasuk sebab belum bekerja, kadar belum bekerja mengikut jantina, peringkat dan bidang pengajian, negeri bermastautin serta perkara berkaitan lain.
   v. **Bab 6** mengandungi maklumat graduan yang melanjutkan pengajian, melibatkan graduan warganegara dan bukan warganegara.
   vi. **Bab 7** mengetengahkan tiga (3) kumpulan berfokus, iaitu graduan usahawan, graduan berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) dan graduan daripada kalangan Orang Asli.

c. **Bahagian III:** Memaparkan analisis trend bagi tempoh lima tahun (2021–2025), merangkumi:

   i. **Bab 8** memperlihatkan trend keluaran graduan, kadar respons serta kadar bekerja dalam kalangan graduan warganegara, secara keseluruhan dan juga mengikut jenis IPT.
   ii. **Bab 9** memaparkan trend maklumat pekerjaan graduan warganegara, termasuk status pekerjaan, pendapatan bulanan, sektor ekonomi dan kumpulan pekerjaan, serta maklumat berkaitan graduan yang menjadi usahawan.
   iii. **Bab 10** memfokuskan trend graduan TVET serta kadar bekerja dalam kalangan graduan TVET.
   iv. **Bab 11** memperlihatkan trend maklumat pekerjaan graduan TVET.

d. **Bab 12:** Kesimpulan



Bab 2

CIRI-CIRI KELUARAN GRADUAN 2025

2.1 Keluaran Keseluruhan Graduan 2025

2.2 Keluaran Graduan Universiti Awam (UA) 2025


2.3 Keluaran Graduan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) 2025

2.4 Keluaran Graduan Politeknik 2025 dan Kolej Komuniti 2025

2.5 Keluaran Graduan Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian 2025

KELUARAN GRADUAN DAN KADAR RESPONS TAHUN 2024-2025

- Kaji selidik ini melibatkan graduan peringkat pengajian daripada Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 hingga Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf.



- Kadar penyertaan IPT meningkat sebanyak 0.2 peratus pada tahun 2025, iaitu daripada 891 IPT pada tahun 2024 kepada 893 IPT pada tahun 2025.
- Bilangan graduan pada tahun 2025 turut meningkat sebanyak 5.4 peratus berbanding tahun 2024, iaitu daripada 353,112 kepada 372,327 graduan.

Penyertaan IPT dan Graduan dalam Kajian Pengesanan Graduan Tahun 2025

Jenis IPT	Bil. IPT	Keseluruhan			Warganegara		
		Graduan	Responden	KR (%)	Graduan	Responden	KR (%)
UA	20	**162,745**	157,276	96.6	**149,102**	147,042	98.6
IPTS	310	**135,114**	122,327	90.5	**121,710**	112,360	92.3
Politeknik	36	**24,859**	23,047	92.7	**24,859**	23,047	92.7
Kolej komuniti	103	**6,977**	6,684	95.8	**6,977**	6,684	95.8
ILKA KKDW	251	**14,559**	14,558	100.0	**14,559**	14,558	100.0
Kolej vokasional	84	**10,801**	10,796	100.0	**10,801**	10,796	100.0
ILKA KESUMA	33	**8,157**	7,917	97.1	**8,157**	7,917	97.1
ILKBS	21	**3,375**	3,275	97.0	**3,375**	3,275	97.0
ILKA KKR	13	**1,814**	644	35.5	**1,814**	644	35.5
ILKAP KPKM	12	**750**	750	100.0	**750**	750	100.0
ILKA MOTAC	1	**103**	103	100.0	**103**	103	100.0
IPT lain	9	**3,073**	3,061	99.6	**3,073**	3,061	99.6
Keseluruhan	**893**	**372,327**	**350,438**	**94.1**	**345,280**	**330,237**	**95.6**

Keluaran Graduan dan Kadar Respons Mengikut Peringkat Pengajian 2024-2025

Peringkat pengajian	2024			2025		
	Bil.	%	KR (%)	Graduan	%	KR (%)
PhD	**6,483**	1.8	80.8	**8,737**	2.3	84.8
Sarjana	**28,835**	8.2	83.6	**32,528**	8.7	86.2
Diploma pascasiswazah	**7,849**	2.2	94.6	**14,688**	3.9	92.7
Sijil pascasiswazah	**88**	0.0	89.8	**95**	0.03	98.9
Ijazah pertama	**157,247**	44.5	94.8	**152,950**	41.1	96.1
Diploma siswazah	**66**	0.0	81.8	**27**	0.01	77.8
Sijil siswazah	**128**	0.0	64.1	**120**	0.03	82.5
Diploma lanjutan	**520**	0.1	92.9	**519**	0.1	95.2
Diploma	**116,384**	33.0	93.7	**132,437**	35.6	95.0
Profesional	**431**	0.1	94.7	**217**	0.1	88.5
Sijil lanjutan	**461**	0.1	99.6	**656**	0.2	99.4
Sijil	**34,620**	9.8	91.4	**29,353**	7.9	92.3
Keseluruhan	**353,112**	**100.0**	**92.9**	**372,327**	**100.0**	**94.1**

KR= Kadar respons


Analisis profil graduan tahun 2025 melibatkan Institusi Pendidikan Tinggi Awam, Swasta dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di Malaysia. Graduan yang terlibat adalah peringkat pengajian Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 hingga Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf.

2.1 Keluaran Keseluruhan Graduan 2025

2.1.1 Keluaran Graduan 2025 Mengikut Jenis IPT

- Sebanyak 893 IPT telah menyertai Kajian Pengesanan Graduan tahun 2025 dengan penglibatan seramai 372,327 graduan, yang terdiri daripada graduan UA sebanyak 43.7 peratus (162,745 graduan), diikuti IPTS (36.3%; 135,114 graduan), politeknik (6.7%; 24,859 graduan) dan ILKA KKDW (3.9%; 14,559 graduan).
- Seterusnya, kolej vokasional mencatatkan sebanyak 2.9 peratus (10,801 graduan), ILKA KESUMA (2.2%; 8,157 graduan) dan kolej komuniti (1.9%; 6,977 graduan).
- Selebihnya, lima (5) IPT merekodkan peratusan antara 0.02 hingga 0.9 peratus.

Carta 2.1a Keluaran Graduan 2025 Mengikut Jenis IPT




*IPT lain merangkumi:
i. Kolej Profesional MARA (6 buah)
ii. Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA)
iii. Institut Penilaian Negara (INSPEN)
iv. Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)

2.1.2 Keluaran Graduan 2025 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina

- Peringkat ijazah pertama merekodkan peratusan tertinggi daripada keseluruhan graduan pada tahun 2025, iaitu sebanyak 41.1 peratus (152,950 graduan), diikuti diploma (35.6%; 132,437 graduan), sarjana (8.7%; 32,528 graduan), sijil (7.9%; 29,353 graduan), PhD (2.3%; 8,737 graduan), manakala peringkat lain sebanyak 4.4 peratus.
- Hampir semua peringkat pengajian mencatatkan bilangan graduan perempuan melebihi lelaki khususnya pada peringkat diploma, ijazah pertama, sarjana dan PhD.

Carta 2.1b Keluaran Graduan 2025 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan
*Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah, diploma lanjutan, profesional dan sijil lanjutan.

2.1.3 Keluaran Graduan 2025 Mengikut Jenis IPT dan Peringkat Pengajian

- Peratusan tertinggi keluaran graduan UA ialah peringkat ijazah pertama, iaitu sebanyak 58.3 peratus (94,838 graduan), diikuti diploma (19.4%; 31,533 graduan), sarjana (13.1%; 21,395 graduan), PhD (3.6%; 5,933 graduan) dan peringkat lain sebanyak 5.6 peratus (9,046 graduan).
- Bagi IPTS, dua (2) peringkat pengajian merekodkan peratusan melebihi 40.0 peratus, iaitu ijazah pertama (42.8%; 57,813 graduan) dan diploma sebanyak 40.4 peratus (54,602 graduan).
- Sebahagian besar graduan politeknik (99.2%; 24,650 graduan), IPT lain (91.2%; 2,804 graduan) dan keseluruhan keluaran kolej vokasional berada pada peringkat diploma.
- Manakala majoriti graduan kolej komuniti (96.7%; 6,749 graduan) serta seluruh keluaran ILKA KKR berada pada peringkat sijil, diikuti ILKBS (40.6%; 1,370 graduan), ILKA KESUMA (34.9%; 2,847 graduan) dan ILKA KKDW (24.0%; 3,499 graduan).

Jadual 2a Keluaran Graduan 2025 Mengikut Jenis IPT dan Peringkat Pengajian


Jenis IPT	Jumlah graduan	Peringkat pengajian (%)					
		PhD	Sarjana	Ijazah pertama	Diploma	Sijil	*Peringkat lain
UA	**162,745**	3.6	13.1	58.3	19.4	-	5.6
IPTS	**135,114**	2.1	8.2	42.8	40.4	1.7	4.8
Politeknik	**24,859**	-	-	0.6	99.2	0.2	-
Kolej komuniti	**6,977**	-	-	-	3.3	96.7	-
ILKA KKDW	**14,559**	-	-	-	24.0	70.6	5.4
Kolej vokasional	**10,801**	-	-	-	100.0	-	-
ILKA KESUMA	**8,157**	-	-	-	34.9	65.0	0.1
ILKBS	**3,375**	-	-	-	40.6	57.7	1.7
ILKA KKR	**1,814**	-	-	-	-	100.0	-
ILKAP KPKM	**750**	-	-	-	6.5	93.5	-
ILKA MOTAC	**103**	-	-	-	52.4	47.6	-
IPT lain	**3,073**	0.1	0.03	4.6	91.2	4.0	-
Keseluruhan	**372,327**	**2.3**	**8.7**	**41.1**	**35.6**	**7.9**	**4.4**

*Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah, diploma lanjutan, profesional dan sijil lanjutan.

2.1.4 Keluaran Graduan 2025 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

- Terdapat dua (2) bidang pengajian mempunyai keluaran melebihi 22.0 peratus, iaitu bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (28.0%; 104,275 graduan) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (22.9%; 85,369 graduan). Bidang pengajian lain mencatatkan peratusan kurang daripada 10.0 peratus.
- Hampir semua bidang pengajian mencatatkan bilangan graduan perempuan melebihi lelaki kecuali bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan sebanyak 72.3 peratus (61,727 graduan), diikuti teknologi maklumat & komunikasi (64.1%; 19,497 graduan) dan pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (54.4%; 2,657 graduan).

Carta 2.1c Keluaran Graduan 2025 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina



N= Jumlah graduan
L= Lelaki
P= Perempuan
*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), kolej vokasional dan Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).

2.1.5 Keluaran Graduan 2025 Mengikut Jenis IPT dan Bidang Pengajian

- Peratusan tertinggi graduan UA dan IPTS adalah dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, iaitu masing-masing sebanyak 28.7 peratus (46,641 graduan) dan 35.4 peratus (47,895 graduan).
- Terdapat tujuh (7) IPT merekodkan peratusan tertinggi dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu antara 47.8 hingga 100.0 peratus.

Jadual 2b Keluaran Graduan 2025 Mengikut Jenis IPT dan Bidang Pengajian


Jenis IPT	Jumlah graduan	Bidang pengajian (%)										
		Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	*Pendidikan	Sastera dan kemanusiaan	Teknologi maklumat dan komunikasi	Perkhidmatan	Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	Kesihatan dan kebajikan	Sains semulajadi, matematik dan statistik	Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	Program dan kelayakan generik
UA	**162,745**	28.7	17.8	9.2	8.7	6.9	3.8	9.3	5.1	8.8	1.6	0.1
IPTS	**135,114**	35.4	8.2	13.4	9.2	10.6	8.1	5.1	8.3	1.4	0.2	0.003
Politeknik	**24,859**	24.8	53.5	-	3.1	7.6	7.2	-	-	0.7	3.1	-
Kolej komuniti	**6,977**	4.2	47.8	-	9.6	15.1	21.9	-	-	-	1.3	-
ILKA KKDW	**14,559**	-	73.8	-	14.0	3.6	7.2	-	1.3	0.1	-	-
Kolej vokasional	**10,801**	13.4	63.7	1.7	4.3	5.2	8.2	-	-	0.5	3.1	-
ILKA KESUMA	**8,157**	-	79.3	12.0	3.5	5.1	-	-	-	-	-	-
ILKBS	**3,375**	-	80.8	-	2.5	1.5	15.3	-	-	-	-	-
ILKA KKR	**1,814**	-	100.0	-	-	-	-	-	-	-	-	-
ILKAP KPKM	**750**	3.6	6.7	-	-	-	-	-	-	-	89.7	-
ILKA MOTAC	**103**	-	-	-	100.0	-	-	-	-	-	-	-
IPT lain	**3,073**	58.9	3.1	-	28.2	7.8	-	-	-	-	1.9	-
Keseluruhan	**372,327**	**28.0**	**22.9**	**9.2**	**8.5**	**8.2**	**6.2**	**5.9**	**5.3**	**4.4**	**1.3**	**0.04**

*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), kolej vokasional dan Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).

2.1.6 Keluaran Graduan 2025 Mengikut Taraf Kewarganegaraan, Jantina dan Jenis IPT

- Secara keseluruhan, keluaran graduan warganegara ialah 92.7 peratus (345,280 graduan) dan bukan warganegara 7.3 peratus (27,047 graduan).
- Seramai 13,643 graduan bukan warganegara berada di UA, iaitu 8.4 peratus daripada jumlah keluaran UA tahun 2025.
- Selebihnya merupakan graduan bukan warganegara di IPTS, iaitu seramai 13,404 graduan yang mewakili 9.9 peratus daripada keseluruhan graduan IPTS.

Carta 2.1d Keluaran Graduan 2025 Mengikut Taraf Kewarganegaraan, Jantina dan Jenis IPT




N= Jumlah graduan
L= Lelaki
W= Warganegara
BW= Bukan warganegara
*Merangkumi jumlah keluaran graduan keseluruhan IPT tahun 2025.

2.1.7 Keluaran Graduan UA dan IPTS 2025 Mengikut Peringkat Pengajian, Taraf Kewarganegaraan dan Jantina

- Sebahagian besar graduan UA dan IPTS pada semua peringkat pengajian ialah warganegara, kecuali bagi peringkat PhD.
- Graduan bukan warganegara peringkat PhD di UA merekodkan sebanyak 53.8 peratus (3,192 graduan) dan IPTS 74.6 peratus (2,088 graduan).
- Manakala bagi graduan peringkat sarjana majoriti adalah graduan warganegara, iaitu di UA sebanyak 61.2 peratus dan IPTS 58.4 peratus.
- Sebahagian besar graduan peringkat ijazah pertama di UA (97.8%) dan IPTS (89.8%) adalah warganegara.
- Graduan bukan warganegara di UA dan IPTS bagi semua peringkat pengajian mencatatkan peratusan graduan lelaki melebihi perempuan kecuali peringkat sarjana di UA (37.8%) dan PhD di IPTS (44.2%).

Carta 2.1e Keluaran Graduan UA dan IPTS 2025 Mengikut Peringkat Pengajian, Taraf Kewarganegaraan dan Jantina




N= Jumlah graduan
L= Lelaki
W= Warganegara
BW= Bukan warganegara

2.2 Keluaran Graduan Universiti Awam (UA) 2025

2.2.1 Keluaran Graduan UA 2025 bagi Setiap Universiti

- Secara keseluruhan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) mencatatkan keluaran graduan tertinggi dalam kalangan UA tahun 2025, iaitu 56,986 graduan (35.0%), diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (8.5%), Universiti Malaya (7.0%) dan Universiti Sains Malaysia (5.7%).


Carta 2.2a Keluaran Graduan UA 2025 bagi Setiap Universiti



2.2.2 Keluaran Graduan UA 2025 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Majoriti keluaran UA pada tahun 2025 ialah peringkat ijazah pertama (58.3%; 94,838 graduan), diikuti diploma (19.4%; 31,533 graduan), sarjana (13.1%; 21,395 graduan), PhD (3.6%; 5,933 graduan) dan peringkat lain (5.6%; 9,046 graduan).
- Peratus graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua peringkat pengajian kecuali peringkat PhD.
- Sebahagian besar graduan UA adalah warganegara (91.6%; 149,102 graduan) manakala selebihnya (8.4%; 13,643 graduan) bukan warganegara.

Carta 2.2b Keluaran Graduan UA 2025 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



N= Jumlah graduan
L= Lelaki
P= Perempuan
W= Warganegara
BW= Bukan warganegara
*Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional.

2.2.3 Keluaran Graduan 2025 Mengikut Kategori UA dan Peringkat Pengajian

- Universiti komprehensif merekodkan jumlah graduan tertinggi, iaitu seramai 77,895 graduan (47.9%), diikuti universiti penyelidikan (29.7%; 48,255 graduan), universiti berfokus (12.6%; 20,578 graduan) dan universiti teknikal (9.8%; 16,017 graduan).
- Peringkat ijazah pertama merekodkan peratusan tertinggi bagi semua kategori UA, dengan universiti berfokus merekodkan peratusan tertinggi (76.7%), diikuti universiti teknikal (74.3%), universiti komprehensif (58.6%) dan universiti penyelidikan (44.6%).
- Bagi peringkat sarjana dan PhD, universiti penyelidikan mencatatkan peratusan tertinggi, masing-masing sebanyak 30.8 peratus dan 7.5 peratus.
- Graduan peringkat diploma mencatatkan peratusan kedua tertinggi di Universiti komprehensif dan universiti teknikal, iaitu masing-masing sebanyak 33.3 peratus dan 16.2 peratus.

Jadual 2c Keluaran Graduan 2025 Mengikut Kategori UA dan Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Keseluruhan (N= 162,745)	Kategori UA (%)			
		Universiti Penyelidikan (N= 48,255)	Universiti Komprehensif (N= 77,895)	Universiti Teknikal (N= 16,017)	Universiti Berfokus (N= 20,578)
PhD	3.6	7.5	1.6	2.5	3.3
Sarjana	13.1	30.8	4.6	7.0	8.7
Ijazah pertama	58.3	44.6	58.6	74.3	76.7
Diploma	19.4	4.3	33.3	16.2	4.5
*Peringkat lain	5.6	12.7	1.9	-	6.7

N= Jumlah graduan
*Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional.

2.2.4 Keluaran Graduan UA 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Bidang pengajian perniagaan, pentadbiran & perundangan mencatatkan peratusan tertinggi dalam kalangan graduan UA pada tahun 2025, iaitu sebanyak 28.7 peratus (46,641 graduan), diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (17.8%; 28,916 graduan) dan sains sosial, kewartawanan & maklumat (9.3%; 15,084 graduan).
- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi hampir semua bidang pengajian kecuali kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dan teknologi maklumat & komunikasi.
- Semua bidang pengajian mencatatkan peratusan graduan warganegara yang lebih tinggi.

Jadual 2d Keluaran Graduan UA 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 162,745
L 59,505
P 103,240
W 149,102

Bidang pengajian	Jumlah graduan		L (%)	W (%)
	Bil.	%		
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**46,641**	28.7	30.6	91.8
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**28,916**	17.8	56.7	93.7
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**15,084**	9.3	26.3	86.2
Pendidikan	**15,001**	9.2	25.2	89.9
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**14,274**	8.8	27.8	94.7
Sastera dan kemanusiaan	**14,122**	8.7	33.3	89.1
Teknologi maklumat dan komunikasi	**11,299**	6.9	54.6	87.7
Kesihatan dan kebajikan	**8,377**	5.1	26.1	94.3
Perkhidmatan	**6,251**	3.8	43.3	96.9
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	**2,639**	1.6	48.4	97.7
Program dan kelayakan generik	**141**	0.1	41.1	86.5

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

2.2.5 Keluaran Graduan UA Peringkat PhD 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan mencatatkan keluaran graduan PhD tertinggi di UA, iaitu sebanyak 22.3 peratus (1,325 graduan), diikuti perniagaan, pentadbiran & perundangan (18.3%; 1,086 graduan) dan pendidikan (13.5%; 798 graduan).
- Peratusan graduan lelaki melebihi perempuan dalam beberapa bidang pengajian, iaitu teknologi maklumat & komunikasi (62.0%; 191 graduan), perkhidmatan (55.3%; 42 graduan), pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (53.5%; 46 graduan) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (52.5%; 695 graduan). Sebaliknya, graduan perempuan mencatatkan peratusan yang lebih tinggi berbanding lelaki bagi bidang pengajian yang lain.
- Peratusan tertinggi bagi graduan PhD bukan warganegara UA ialah bidang teknologi maklumat & komunikasi, iaitu sebanyak 67.2 peratus.

Jadual 2e Keluaran Graduan UA Peringkat PhD 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 5,933
L 2,715
P 3,218
W 2,741


Bidang pengajian	Jumlah graduan		L (%)	W (%)
	Bil.	%		
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**1,325**	22.3	52.5	55.5
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**1,086**	18.3	48.3	35.4
Pendidikan	**798**	13.5	35.2	41.9
Sastera dan kemanusiaan	**760**	12.8	47.2	30.9
Kesihatan dan kebajikan	**619**	10.4	35.5	62.5
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**497**	8.4	42.1	59.4
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**344**	5.8	40.4	40.7
Teknologi maklumat dan komunikasi	**308**	5.2	62.0	32.8
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	**86**	1.4	53.5	64.0
Perkhidmatan	**76**	1.3	55.3	63.2
Program dan kelayakan generik	**34**	0.6	26.5	76.5

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

2.2.6 Keluaran Graduan UA Peringkat PhD 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Kumpulan umur tertinggi bagi graduan PhD UA ialah 41 tahun & ke atas, iaitu 34.3 peratus, diikuti kumpulan umur 36 - 40 tahun (28.0%) dan 31 - 35 tahun, iaitu sebanyak 25.4 peratus.
- Hanya kumpulan umur 41 tahun & ke atas merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu 53.6 peratus.

Carta 2.2c Keluaran Graduan UA Peringkat PhD 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.2.7 Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Graduan sarjana UA merekodkan peratusan tertinggi dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan sebanyak 26.3 peratus (5,617 graduan), diikuti pendidikan (14.8%; 3,176 graduan) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (13.2%; 2,820 graduan).
- Graduan lelaki melebihi perempuan dalam bidang perkhidmatan (58.1%; 363 graduan), kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (57.7%; 1,627 graduan) dan teknologi maklumat & komunikasi (54.2%; 837 graduan).
- Bidang sains sosial, kewartawanan & maklumat mencatatkan peratusan tertinggi graduan bukan warganegara, iaitu sebanyak 69.4 peratus (1,447 graduan), manakala terendah ialah bidang kesihatan & kebajikan (8.8%; 182 graduan).

Jadual 2f — Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 21,395
L 8,070
P 13,325
W 13,084


Bidang pengajian	Jumlah graduan		L (%)	W (%)
	Bil.	%		
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**5,617**	26.3	37.0	53.2
Pendidikan	**3,176**	14.8	22.0	68.4
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**2,820**	13.2	57.7	72.2
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**2,084**	9.7	26.9	30.6
Kesihatan dan kebajikan	**2,073**	9.7	34.6	91.2
Sastera dan kemanusiaan	**1,727**	8.1	32.3	50.0
Teknologi maklumat dan komunikasi	**1,544**	7.2	54.2	50.0
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**1,512**	7.1	34.6	68.8
Perkhidmatan	**625**	2.9	58.1	80.3
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	**146**	0.7	49.3	85.6
Program dan kelayakan generik	**71**	0.3	49.3	84.5

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

2.2.8 Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Graduan UA peringkat sarjana dalam lingkungan umur 21 - 25 tahun merekodkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 34.6 peratus, diikuti kumpulan umur 26 - 30 tahun sebanyak 33.1 peratus dan 31 - 35 tahun (13.9%).
- Peratusan graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua kumpulan umur kecuali 19 – 20 tahun dan 41 tahun & ke atas.

Carta 2.2d — Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.2.9 Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan merekodkan peratusan tertinggi, iaitu (28.2%; 26,771 graduan) diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (20.5%; 19,461 graduan). Sementara itu, bidang pengajian lain masing-masing mencatatkan peratusan kurang daripada 10.0 peratus.
- Lebih 50.0 peratus graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dan teknologi maklumat & komunikasi adalah lelaki, manakala bidang pengajian lain mencatatkan peratusan graduan perempuan melebihi lelaki.
- Sebahagian besar graduan bagi semua bidang pengajian adalah warganegara dengan peratusan melebihi 94.0 peratus.

Jadual 2g Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 94,838
L 34,886
P 59,952
W 92,737


Bidang pengajian	Jumlah graduan		L (%)	W (%)
	Bil.	%		
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**26,771**	28.2	29.1	98.2
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**19,461**	20.5	56.5	97.8
Sastera dan kemanusiaan	**9,333**	9.8	31.9	98.4
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**8,814**	9.3	27.1	99.0
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**7,756**	8.2	28.0	94.5
Teknologi maklumat dan komunikasi	**6,956**	7.3	54.0	94.1
Pendidikan	**6,126**	6.5	29.5	99.2
Kesihatan dan kebajikan	**5,071**	5.3	22.6	98.8
Perkhidmatan	**2,987**	3.1	37.9	99.7
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	**1,527**	1.6	44.7	99.3
Program dan kelayakan generik	**36**	0.04	38.9	100.0

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

2.2.10 Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Sebahagian besar graduan ijazah pertama UA berumur 21 - 25 tahun (92.2%), diikuti kumpulan umur 26 - 30 tahun (4.6%), 31 - 35 tahun (1.4%) dan kumpulan umur lain merekodkan 1.0 peratus & ke bawah.
- Bilangan graduan lelaki mengatasi perempuan bagi kumpulan umur 31 tahun & ke atas.

Carta 2.2e Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina




N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.2.11 Pencapaian Akademik (PNGK) Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2025

- Sebanyak 48.9 peratus atau 46,391 graduan ijazah pertama UA berada dalam julat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 – 3.49, diikuti 3.50 – 3.69 (22.2%; 21,035 graduan) dan 3.70 – 4.00 sebanyak 16.3 peratus (15,428 graduan).
- Terdapat 11.0 peratus berada dalam julat PNGK 2.50 – 2.99 dan 0.6 peratus memperoleh PNGK dalam julat 2.00 – 2.49.

Carta 2.2f Pencapaian Akademik (PNGK) Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama 2025



N= Jumlah graduan
*Lulus – merujuk kepada graduan perubatan, pergigian, farmasi dan program pengajian yang tidak menggunakan sistem PNGK.

2.2.12 Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Tiga (3) bidang pengajian yang mencatatkan peratusan tertinggi graduan diploma UA ialah perniagaan, pentadbiran & perundangan, iaitu sebanyak 39.5 peratus (12,469 graduan), diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan sebanyak 16.8 peratus (5,310 graduan) dan sains semula jadi, matematik & statistik sebanyak 10.9 peratus (3,451 graduan).
- Graduan perempuan melebihi lelaki dalam hampir semua bidang pengajian. Walau bagaimanapun, graduan lelaki melebihi 50.0 peratus dalam tiga (3) bidang, iaitu kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (58.0%; 3,081 graduan), teknologi maklumat & komunikasi (55.6%; 1,384 graduan) dan pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (54.2%; 477 graduan).
- Lebih 99.0 peratus graduan adalah warganegara.

Jadual 2h Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 31,533
L 11,830
P 19,703
W 31,528


Bidang pengajian	Jumlah graduan		L (%)	W (%)
	Bil.	%		
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**12,469**	39.5	29.4	100.0
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**5,310**	16.8	58.0	99.9
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**3,451**	10.9	24.5	100.0
Teknologi maklumat dan komunikasi	**2,491**	7.9	55.6	99.9
Perkhidmatan	**2,387**	7.6	42.2	100.0
Sastera dan kemanusiaan	**2,302**	7.3	35.3	100.0
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**1,578**	5.0	29.0	100.0
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	**880**	2.8	54.2	100.0
Kesihatan dan kebajikan	**529**	1.7	16.1	99.8
Pendidikan	**136**	0.4	12.5	99.3

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

2.2.13 Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Sebahagian besar graduan diploma UA adalah dalam kumpulan umur 19 - 20 tahun, iaitu sebanyak 71.5 peratus, diikuti umur 21 - 25 tahun (26.6%), manakala kumpulan umur lain hanya mewakili kurang daripada 2.0 peratus.
- Majoriti graduan dalam kumpulan umur 25 tahun & ke bawah adalah perempuan.

Carta 2.2g Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina




N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.2.14 Pencapaian Akademik (PNGK) Graduan UA Peringkat Diploma 2025

- Majoriti graduan diploma UA memperoleh PNGK 3.00 – 3.49 (50.9%; 16,057 graduan), diikuti 3.50 – 3.69 (19.2%; 6,069 graduan), 2.50 – 2.99 (15.2%; 4,803 graduan) dan 3.70 – 4.00 sebanyak 13.7 peratus (4,325 graduan).

Carta 2.2h Pencapaian Akademik (PNGK) Graduan UA Peringkat Diploma 2025



N= Jumlah graduan
*Lulus – merujuk kepada graduan perubatan, pergigian, farmasi dan program pengajian yang tidak menggunakan sistem PNGK.

2.3 Keluaran Graduan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) 2025

2.3.1 Keluaran Graduan IPTS 2025 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian

- Secara keseluruhan, keluaran peringkat ijazah pertama merupakan peratusan tertinggi di IPTS bagi tahun 2025, iaitu sebanyak 42.8 peratus (57,813 graduan), diikuti diploma (40.4%; 54,602 graduan), sarjana (8.2%; 11,132 graduan) dan peringkat lain sebanyak 4.8 peratus (6,421 graduan). Peringkat PhD dan sijil pula, masing-masing ialah sebanyak 2.1 peratus (2,800 graduan) dan 1.7 peratus (2,346 graduan).
- Peratusan tertinggi peringkat ijazah pertama ialah di IPTS bertaraf universiti dan kampus cawangan universiti luar negara, iaitu masing-masing 54.1 peratus (47,116 graduan) dan 82.4 peratus (5,523 graduan). Peringkat diploma pula tertinggi di IPTS bertaraf kolej universiti, iaitu sebanyak 54.5 peratus (4,469 graduan) dan kolej & lain-lain (84.5%; 27,946 graduan).

Jadual 2i Keluaran Graduan IPTS 2025 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian


Peringkat pengajian	Keseluruhan (N= 135,114)	Kategori IPTS (%)			
		Universiti (N= 87,128)	Kolej Universiti (N= 8,204)	Kolej dan lain-lain (N= 33,082)	Kampus Cawangan Universiti Luar Negara (N= 6,700)
PhD	2.1	2.5	4.1	0.1	3.3
Sarjana	8.2	10.7	11.1	0.2	12.4
Ijazah pertama	42.8	54.1	28.3	8.6	82.4
Diploma	40.4	25.4	54.5	84.5	0.8
Sijil	1.7	0.2	0.5	6.4	-
*Peringkat lain	4.8	7.0	1.6	0.2	1.1

N= Jumlah graduan
*Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah, diploma lanjutan, profesional dan sijil lanjutan.

2.3.2 Keluaran Graduan IPTS 2025 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua peringkat pengajian yang ditawarkan di IPTS.
- Peratusan graduan lelaki peringkat pengajian PhD, sarjana dan ijazah pertama mencatatkan 46.8 hingga 49.0 peratus.
- Graduan bukan warganegara merekodkan peratusan tertinggi bagi peringkat PhD, iaitu 74.6 peratus (2,088 graduan), diikuti sarjana 41.6 peratus (4,629 graduan) dan ijazah pertama sebanyak 10.2 peratus (5,875 graduan).

Carta 2.3a Keluaran Graduan IPTS 2025 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan



N= Jumlah graduan
L= Lelaki
P= Perempuan
W= Warganegara
BW= Bukan warganegara
*Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah, diploma lanjutan, profesional dan sijil lanjutan.

2.3.3 Keluaran Graduan IPTS 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Secara keseluruhan, bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan mencatatkan kumpulan terbesar graduan IPTS tahun 2025, iaitu 35.4 peratus (47,895 graduan), diikuti pendidikan (13.4%; 18,061 graduan) dan teknologi maklumat & komunikasi (10.6%; 14,383 graduan).
- Graduan lelaki melebihi perempuan dalam bidang teknologi maklumat & komunikasi (73.1%; 10,509 graduan), kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (71.0%; 7,843 graduan), pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (70.8%; 223 graduan) dan perkhidmatan (53.5%; 5,862 graduan).
- Bidang sains semulajadi, matematik & statistik mencatatkan peratusan tertinggi bagi graduan bukan warganegara, iaitu sebanyak 15.5 peratus (293 graduan).

Jadual 2j Keluaran Graduan IPTS 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 135,114
L 58,701
P 76,413
W 121,710

Bidang pengajian	Jumlah graduan		L (%)	W (%)
	Bil.	%		
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**47,895**	35.4	41.9	88.9
Pendidikan	**18,061**	13.4	17.0	91.0
Teknologi maklumat dan komunikasi	**14,383**	10.6	73.1	87.4
Sastera dan kemanusiaan	**12,423**	9.2	46.7	92.4
Kesihatan dan kebajikan	**11,224**	8.3	23.0	94.6
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**11,043**	8.2	71.0	89.4
Perkhidmatan	**10,955**	8.1	53.5	93.9
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**6,916**	5.1	27.8	86.3
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**1,895**	1.4	44.0	84.5
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	**315**	0.2	70.8	99.4
Program dan kelayakan generik	**4**	0.003	25.0	75.0

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

2.3.4 Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Bagi peringkat PhD di IPTS, bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 40.5 peratus, diikuti pendidikan (25.8%) dan sastera & kemanusiaan (12.1%).
- Peratusan graduan lelaki melebihi perempuan dalam bidang teknologi maklumat & komunikasi (65.4%), perniagaan, pentadbiran & perundangan (51.7%) dan sastera & kemanusiaan (50.9%).
- Bidang pendidikan merekodkan peratusan tertinggi bagi graduan bukan warganegara, iaitu 93.9 peratus (678 graduan).

Jadual 2k Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 2,800
L 1,331
P 1,469
W 712


Bidang pengajian	Jumlah graduan		L (%)	W (%)
	Bil.	%		
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**1,135**	40.5	51.7	28.3
Pendidikan	**722**	25.8	31.0	6.1
Sastera dan kemanusiaan	**340**	12.1	50.9	28.2
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**247**	8.8	71.3	43.7
Teknologi maklumat dan komunikasi	**127**	4.5	65.4	23.6
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**86**	3.1	40.7	68.6
Kesihatan dan kebajikan	**67**	2.4	32.8	43.3
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**41**	1.5	39.0	51.2
Perkhidmatan	**35**	1.3	42.9	11.4

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

2.3.5 Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Kumpulan umur 41 tahun & ke atas merekodkan peratusan graduan PhD tertinggi, iaitu 38.8 peratus, diikuti kumpulan umur 36 - 40 tahun (25.1%) dan 31 - 35 tahun (23.3%).
- Kumpulan umur 31 hingga 40 tahun mencatatkan peratusan graduan perempuan lebih tinggi berbanding lelaki.

Carta 2.3b Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.3.6 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Bagi peringkat sarjana di IPTS, bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 58.9 peratus (6,556 graduan), diikuti pendidikan (14.7%; 1,632 graduan) dan teknologi maklumat & komunikasi (6.5 peratus; 725 graduan).
- Peratusan graduan lelaki melebihi perempuan dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (68.6%), teknologi maklumat & komunikasi (68.1%), perkhidmatan (57.9%) dan perniagaan, pentadbiran & perundangan (53.9%).
- Bidang sains sosial, kewartawanan & maklumat merekodkan sebanyak 55.1 peratus (282 graduan) manakala teknologi maklumat & komunikasi (52.3%; 379 graduan) merupakan graduan bukan warganegara.

Jadual 21 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 11,132
L 5,456
P 5,676
W 6,503


Bidang pengajian	Jumlah graduan		L (%)	W (%)
	Bil.	%		
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**6,556**	58.9	53.9	59.7
Pendidikan	**1,632**	14.7	25.4	54.7
Teknologi maklumat dan komunikasi	**725**	6.5	68.1	47.7
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**698**	6.3	68.6	65.3
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**512**	4.6	26.8	44.9
Kesihatan dan kebajikan	**384**	3.4	23.4	73.7
Sastera dan kemanusiaan	**278**	2.5	48.2	52.5
Perkhidmatan	**202**	1.8	57.9	69.8
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**145**	1.3	40.0	66.9

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

2.3.7 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Kumpulan umur 26 – 30 tahun mencatatkan peratusan tertinggi graduan sarjana IPTS, iaitu sebanyak 26.8 peratus, diikuti 21 – 25 tahun (23.1%) dan 41 tahun & ke atas (17.9%).
- Graduan lelaki merekodkan peratusan melebihi perempuan bagi kumpulan umur 36 tahun & ke atas. Selain itu, kumpulan umur 19 – 20 tahun turut mencatatkan peratusan graduan lelaki sebanyak 66.7 peratus.

Carta 2.3c Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.3.8 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan mencatatkan peratusan tertinggi graduan IPTS bagi peringkat ijazah pertama, iaitu 36.9 peratus (21,335 graduan), diikuti teknologi maklumat & komunikasi (15.5%; 8,933 graduan) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (12.6%; 7,273 graduan).
- Terdapat empat (4) bidang pengajian yang mencatatkan lebih 71.0 peratus graduan perempuan melebihi lelaki, iaitu pendidikan (83.8%), program & kelayakan generik (75.0%), sains sosial, kewartawanan & maklumat (71.3%) dan kesihatan & kebajikan (71.0%). Peratusan graduan lelaki melebihi perempuan pula ialah dalam bidang teknologi maklumat & komunikasi (72.5%; 6,475 graduan), diikuti pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (69.2%; 45 graduan) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (68.5%; 4,984 graduan).
- Bidang perkhidmatan merekodkan peratusan graduan bukan warganegara sebanyak 17.0 peratus (359 graduan).

Jadual 2m Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 57,813
L 27,069
P 30,744
W 51,938


Bidang pengajian	Jumlah graduan		L (%)	W (%)
	Bil.	%		
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**21,335**	36.9	40.9	92.2
Teknologi maklumat dan komunikasi	**8,933**	15.5	72.5	86.2
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**7,273**	12.6	68.5	89.7
Kesihatan dan kebajikan	**4,874**	8.4	29.0	90.8
Sastera dan kemanusiaan	**4,346**	7.5	44.3	90.2
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**4,273**	7.4	28.7	85.5
Pendidikan	**3,083**	5.3	16.2	95.2
Perkhidmatan	**2,109**	3.6	52.3	83.0
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**1,518**	2.6	44.8	85.7
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	**65**	0.1	69.2	96.9
Program dan kelayakan generik	**4**	0.01	25.0	75.0

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

2.3.9 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Kumpulan umur 21 - 25 tahun mencatatkan peratusan tertinggi bagi graduan IPTS peringkat ijazah pertama, iaitu sebanyak 86.7 peratus dengan graduan perempuan mencatatkan bilangan yang melebihi graduan lelaki dalam kumpulan umur tersebut.

Carta 2.3d Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina




N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.3.10 Pencapaian Akademik (PNGK) Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2025

- Sebanyak 40.5 peratus (23,396 graduan) ijazah pertama IPTS tahun 2025 memperoleh PNGK dalam julat 3.00 – 3.49, diikuti julat 3.50 – 3.69 (17.1%; 9,897 graduan) dan julat 2.50 – 2.99 (16.2%; 9,367 graduan).
- Terdapat 16.1 peratus (9,332 graduan) berada dalam julat PNGK 3.70 – 4.00.

Carta 2.3e Pencapaian Akademik (PNGK) Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama 2025



N= Jumlah graduan
*Lulus – merujuk kepada graduan perubatan, pergigian, farmasi dan program di IPTS yang tidak menggunakan sistem PNGK.

2.3.11 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

- Sebanyak 32.8 peratus (17,935 graduan) diploma IPTS ialah bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan, diikuti perkhidmatan (15.3%; 8,364 graduan) dan sastera & kemanusiaan (13.2%; 7,230 graduan).
- Peratusan graduan lelaki melebihi perempuan dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (77.6%; 2,113 graduan), teknologi maklumat & komunikasi (75.0%; 3,353 graduan), pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (71.2%; 178 graduan) dan perkhidmatan sebanyak 53.6 peratus (4,479 graduan).
- Semua bidang pengajian di peringkat diploma menunjukkan graduan warganegara melebihi 97.0 peratus.

Jadual 2n Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma 2025 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Taraf Kewarganegaraan

N 54,602
L 22,454
P 32,148
W 53,896


Bidang pengajian	Jumlah graduan		L (%)	W (%)
	Bil.	%		
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**17,935**	32.8	37.9	99.0
Perkhidmatan	**8,364**	15.3	53.6	97.5
Sastera dan kemanusiaan	**7,230**	13.2	47.4	98.1
Pendidikan	**6,514**	11.9	9.9	99.8
Kesihatan dan kebajikan	**4,956**	9.1	17.9	99.6
Teknologi maklumat dan komunikasi	**4,473**	8.2	75.0	98.0
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**2,723**	5.0	77.6	98.7
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**2,075**	3.8	26.0	98.8
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	**250**	0.5	71.2	100.0
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**82**	0.2	42.7	98.8

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan W= Warganegara

2.3.12 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Majoriti graduan diploma IPTS adalah dalam kumpulan umur 19 - 20 tahun (62.7%), diikuti kumpulan umur 21 - 25 tahun (34.4%) dan 26 - 30 tahun (1.5%), manakala kumpulan umur yang lain mencatatkan peratusan 0.4 peratus & ke bawah.
- Peratusan graduan perempuan adalah lebih tinggi berbanding lelaki dalam semua kumpulan umur kecuali 18 tahun & ke bawah (57.3%).

Carta 2.3f Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma 2025 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina




N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.3.13 Pencapaian Akademik (PNGK) Graduan IPTS Peringkat Diploma 2025

- Sebanyak 44.0 peratus (24,048 graduan) diploma IPTS berjaya memperoleh pencapaian akademik dalam julat PNGK 3.00 – 3.49, diikuti 2.50 – 2.99 (21.7%; 11,851 graduan) dan 3.50 – 3.69 (16.2%; 8,834 graduan).
- Graduan yang memperoleh keputusan paling cemerlang, iaitu dalam julat PNGK 3.70 – 4.00 ialah sebanyak 14.9 peratus (8,118 graduan).

Carta 2.3g Pencapaian Akademik (PNGK) Graduan IPTS Peringkat Diploma 2025




N= Jumlah graduan
*Lulus – merujuk kepada graduan perubatan, pergigian, farmasi dan program di IPTS yang tidak menggunakan sistem PNGK.

2.4 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2025

2.4.1 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2025 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina

- Politeknik telah melahirkan seramai 24,859 graduan pada tahun 2025 dengan sebahagian besar keluaran ialah peringkat diploma, iaitu sebanyak 99.2 peratus. Graduan lelaki melebihi perempuan bagi semua peringkat pengajian.
- Bagi kolej komuniti pula, sebahagian besar keluaran ialah peringkat sijil, iaitu sebanyak 96.7 peratus manakala selebihnya merupakan graduan peringkat diploma. Graduan lelaki turut melebihi perempuan di semua peringkat pengajian.

Carta 2.4a Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2025 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.4.2 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2025 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

- Bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan mencatatkan keluaran graduan tertinggi di politeknik, iaitu sebanyak 53.5 peratus (13,292 graduan), diikuti perniagaan, pentadbiran & perundangan (24.8%; 6,161 graduan) dan teknologi maklumat & komunikasi (7.6%; 1,894 graduan).
- Kolej komuniti turut mencatatkan peratusan tertinggi keluaran dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu sebanyak 47.8 peratus (3,337 graduan), diikuti perkhidmatan (21.9%; 1,531 graduan) dan teknologi maklumat & komunikasi (15.1%; 1,055 graduan).
- Terdapat tiga (3) bidang pengajian yang merekodkan peratusan graduan lelaki melebihi perempuan di politeknik dan kolej komuniti, iaitu bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar dan teknologi maklumat & komunikasi.

Jadual 2o Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2025 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

Bidang pengajian	Politeknik			Kolej komuniti		
	Bil.	%	L	Bil.	%	L
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**13,292**	53.5	71.4	**3,337**	47.8	80.0
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**6,161**	24.8	28.4	**296**	4.2	33.8
Teknologi maklumat dan komunikasi	**1,894**	7.6	57.5	**1,055**	15.1	54.2
Perkhidmatan	**1,794**	7.2	33.7	**1,531**	21.9	30.4
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	**781**	3.1	57.1	**88**	1.3	68.2
Sastera dan kemanusiaan	**766**	3.1	46.9	**670**	9.6	32.7
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**171**	0.7	22.2	**-**	-	-

L= Lelaki P= Perempuan

2.4.3 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2025 Mengikut Peringkat Pengajian dan Kumpulan Umur

- Kumpulan umur 21 - 25 tahun mencatatkan peratusan yang tinggi dalam kalangan graduan politeknik bagi semua peringkat pengajian dengan peratusan antara 62.7 hingga 95.9 peratus.
- Bagi graduan kolej komuniti, sebahagian besar graduan diploma berada dalam kumpulan umur 21 - 25 tahun (93.9%). Sebahagian besar graduan sijil pula berada dalam kumpulan umur 19 - 20 tahun (80.1%).

Jadual 2p Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2025 Mengikut Peringkat Pengajian dan Kumpulan Umur


Kumpulan umur	Politeknik (%)			Kolej komuniti (%)	
	Ijazah pertama (N= 158)	Diploma (N= 24,650)	Sijil (N= 51)	Diploma (N= 228)	Sijil (N= 6,749)
18 tahun dan ke bawah	-	-	-	-	0.03
19 - 20 tahun	-	3.7	37.3	-	80.1
21 - 25 tahun	70.3	95.9	62.7	93.9	19.1
26 - 30 tahun	29.1	0.4	-	6.1	0.5
31 - 35 tahun	0.6	0.02	-	-	0.1
36 - 40 tahun	-	0.01	-	-	0.1
41 tahun dan ke atas	-	0.02	-	-	0.1

N= Jumlah graduan

2.4.4 Pencapaian Akademik (PNGK) Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2025

- Graduan politeknik berjaya mencapai peratusan tertinggi dalam julat PNGK 3.00 – 3.49, iaitu sebanyak 44.7 peratus (11,116 graduan), diikuti PNGK 2.50 – 2.99 (27.9%; 6,925 graduan) dan 3.50 – 3.69 (14.6%; 3,625 graduan). Sebanyak 10.1 peratus (2,499 graduan) pula berjaya memperoleh PNGK dalam julat 3.70 – 4.00.
- Bagi graduan kolej komuniti pula, sebanyak 54.8 peratus (3,826 graduan) berjaya memperoleh PNGK dalam julat 3.70 – 4.00, diikuti 3.50 – 3.69 (23.3%; 1,628 graduan) dan 3.00 – 3.49 (19.1%; 1,336 graduan).

Carta 2.4b Pencapaian Akademik (PNGK) Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2025



N= Jumlah graduan

2.5 Keluaran Graduan Institusi di bawah lain-lain Kementerian 2025

2.5.1 Keluaran Graduan 2025 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Peringkat Pengajian

- Semua keluaran kolej vokasional adalah peringkat diploma, diikuti graduan IPT lain dan ILKA MOTAC, masing-masing 91.2 peratus dan 52.4 peratus.
- 100.0 peratus (1,814 graduan) ILKA KKR pula adalah peringkat sijil, diikuti ILKAP KPKM dan ILKA KKDW, masing-masing 93.5 peratus (701 graduan) dan 70.6 peratus (10,273 graduan).
- Sebanyak 4.6 peratus (141 graduan) graduan peringkat ijazah pertama di IPT lain merupakan keluaran Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Jadual 2q Keluaran Graduan 2025 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Peringkat Pengajian

Jenis IPT	Jumlah graduan	Peringkat pengajian (%)					
		PhD	Sarjana	Ijazah pertama	Diploma	Sijil	*Peringkat lain
ILKA KKDW	**14,559**	-	-	-	24.0	70.6	5.4
Kolej vokasional	**10,801**	-	-	-	100.0	-	-
ILKA KESUMA	**8,157**	-	-	-	34.9	65.0	0.1
ILKBS	**3,375**	-	-	-	40.6	57.7	1.7
ILKA KKR	**1,814**	-	-	-	-	100.0	-
ILKAP KPKM	**750**	-	-	-	6.5	93.5	-
ILKA MOTAC	**103**	-	-	-	52.4	47.6	-
IPT lain	**3,073**	0.1	0.03	4.6	91.2	4.0	-
Keseluruhan	**42,632**	**0.01**	**0.002**	**0.3**	**50.3**	**47.4**	**2.0**

*Termasuk diploma lanjutan, sijil lanjutan dan profesional.
Nota: Graduan peringkat PhD, sarjana dan ijazah pertama adalah keluaran Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA).

2.5.2 Keluaran Graduan 2025 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Bidang Pengajian

- Semua graduan ILKA KKR adalah dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dan bagi ILKA MOTAC semua keluaran adalah dalam bidang sastera & kemanusiaan.
- Selain ILKA KKR, empat (4) ILKA yang mencatatkan peratusan tertinggi dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan ialah ILKBS (80.8%; 2,726 graduan), ILKA KESUMA (79.3%; 6,472 graduan), ILKA KKDW (73.8%; 10,739 graduan) dan kolej vokasional sebanyak 63.7 peratus (6,885 graduan).
- ILKAP KPKM mencatatkan peratusan tertinggi bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar, iaitu sebanyak 89.7 peratus (673 graduan) manakala majoriti graduan IPT lain 58.9 peratus (1,811 graduan) adalah dalam bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan.

Jadual 2r Keluaran Graduan 2025 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Bidang Pengajian

Jenis IPT	Jumlah graduan	Bidang pengajian (%)								
		Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	Sastera dan kemanusiaan	Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	Perkhidmatan	Teknologi maklumat dan komunikasi	*Pendidikan	Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	Kesihatan dan kebajikan	Sains semulajadi, matematik dan statistik
ILKA KKDW	**14,559**	73.8	14.0	-	7.2	3.6	-	-	1.3	0.1
Kolej vokasional	**10,801**	63.7	4.3	13.4	8.2	5.2	1.7	3.1	-	0.5
ILKA KESUMA	**8,157**	79.3	3.5	-	-	5.1	12.0	-	-	-
ILKBS	**3,375**	80.8	2.5	-	15.3	1.5	-	-	-	-
ILKA KKR	**1,814**	100.0	-	-	-	-	-	-	-	-
ILKAP KPKM	**750**	6.7	-	3.6	-	-	-	89.7	-	-
ILKA MOTAC	**103**	-	100.0	-	-	-	-	-	-	-
IPT lain	**3,073**	3.1	28.2	58.9	-	7.8	-	1.9	-	-
Keseluruhan	**42,632**	**67.5**	**9.0**	**7.7**	**5.7**	**4.2**	**2.7**	**2.5**	**0.5**	**0.2**

*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari:
i) ILKA KESUMA (Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan).
ii) Kolej vokasional.

2.5.3 Keluaran Graduan 2025 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Kumpulan Umur

- Secara keseluruhan, majoriti graduan di bawah lain-lain kementerian merekodkan peratusan tertinggi dalam kumpulan umur 19 - 20 tahun, iaitu sebanyak 53.5 peratus, diikuti kumpulan umur 21 - 25 tahun sebanyak 33.9 peratus.
- Sebahagian besar graduan kolej vokasional berada dalam kumpulan umur 19 - 20 tahun.
- Institusi yang mencatatkan jumlah graduan tertinggi ialah ILKA KKDW (14,559 graduan) dengan kumpulan umur 21 - 25 tahun merekodkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 40.8 peratus.
- ILKA KKR pula merekodkan peratusan tertinggi graduan dalam kumpulan umur 18 tahun & ke bawah berbanding institusi lain, iaitu sebanyak 31.3 peratus.

Jadual 2s Keluaran Graduan 2025 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian Mengikut Kumpulan Umur

Jenis IPT	Jumlah graduan	Kumpulan umur (%)						
		18 tahun dan ke bawah	19 - 20 tahun	21 - 25 tahun	26 - 30 tahun	31 - 35 tahun	36 - 40 tahun	41 tahun dan ke atas
ILKA KKDW	**14,559**	19.0	31.6	40.8	3.9	1.5	1.2	1.9
Kolej vokasional	**10,801**	-	99.98	0.02	-	-	-	-
ILKA KESUMA	**8,157**	0.1	34.1	62.8	2.6	0.4	0.05	-
ILKBS	**3,375**	0.3	41.3	56.6	1.8	0.03	-	-
ILKA KKR	**1,814**	31.3	23.9	30.2	10.0	4.6	-	-
ILKAP KPKM	**750**	8.9	54.4	34.0	1.6	0.7	0.1	0.3
ILKA MOTAC	**103**	-	46.6	40.8	7.8	2.9	1.9	-
IPT lain	**3,073**	-	76.5	20.2	1.3	0.4	0.6	0.9
Keseluruhan	**42,632**	**8.0**	**53.5**	**33.9**	**2.5**	**0.8**	**0.5**	**0.7**

2.5.4 Pencapaian Akademik (PNGK) Graduan 2025 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian

- Graduan ILKA mencatatkan peratusan tertinggi dalam julat PNGK 3.00 – 3.49, iaitu antara 41.3 hingga 63.4 peratus kecuali kolej vokasional dan ILKA MOTAC.
- Sistem PNGK tidak digunakan bagi program pengajian di bawah ILKA KKR dan dikategorikan sebagai lulus.

Jadual 2t Pencapaian Akademik (PNGK) Graduan 2025 bagi Institusi di bawah lain-lain Kementerian

Jenis IPT	Jumlah graduan	PNGK (%)					
		*Lulus	2.00 - 2.49	2.50 - 2.99	3.00 - 3.49	3.50 - 3.69	3.70 - 4.00
ILKA KKDW	**14,559**	0.4	2.2	19.7	52.9	14.7	10.1
Kolej vokasional	**10,801**	-	-	0.9	36.8	43.4	18.8
ILKA KESUMA	**8,157**	11.5	0.6	8.8	63.4	14.4	1.3
ILKBS	**3,375**	3.0	1.4	39.9	49.9	4.1	1.7
ILKA KKR	**1,814**	100.0	-	-	-	-	-
ILKAP KPKM	**750**	17.2	0.8	12.5	50.3	12.7	6.5
ILKA MOTAC	**103**	-	1.0	3.9	31.1	27.2	36.9
IPT lain	**3,073**	2.3	0.4	13.0	41.3	19.7	23.3
Keseluruhan	**42,632**	**7.3**	**1.0**	**13.0**	**47.4**	**20.8**	**10.5**

*Lulus - merujuk program pengajian yang tidak menggunakan sistem PNGK.

Muka surat ini dibiarkan kosong.



Bab 3

KADAR BEKERJA GRADUAN (WARGANEGARA) 2025


3.1 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Jantina, 2025

3.2 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat PhD dan Sarjana Mengikut Jantina, 2025


3.3 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat Ijazah Pertama, Diploma dan Sijil Mengikut Jantina, 2025

KADAR BEKERJA GRADUAN (WARGANEGARA) 2024-2025

Penyertaan Tenaga Buruh Graduan



Kadar Bekerja Graduan




i) * Merujuk kepada jumlah graduan yang menyertai kajian.

ii) **Kadar bekerja graduan (Graduate Employment; GE)** ialah perkadaran graduan bekerja kepada bilangan graduan dalam tenaga buruh.

iii) **Tenaga buruh** adalah graduan yang bekerja dan belum bekerja (merujuk kepada graduan yang sedang mencari pekerjaan, pekerjaan yang ditawarkan tidak bersesuaian, gaji ditawarkan tidak setimpal dan enggan berpindah).


iv) **Luar tenaga buruh** adalah graduan yang melanjutkan pengajian (termasuk yang akan melanjutkan pengajian), sedang meningkatkan kemahiran, menunggu penempatan pekerjaan, tidak berminat mencari pekerjaan, tidak berkeupayaan untuk bekerja, suri rumah dan lain-lain.

Kadar Bekerja Graduan Mengikut Bidang Pengajian




*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), kolej vokasional dan Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).

Kadar Bekerja Graduan Mengikut Peringkat Pengajian



*Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah, diploma lanjutan, profesional dan sijil lanjutan.

Kadar Bekerja Graduan Mengikut Jenis IPT



Bab ini memperihalkan **status pekerjaan graduan** kohort tahun 2025 yang merangkumi graduan bekerja dan belum bekerja. Bermula tahun 2024, peratusan graduan baharu bekerja dirujuk sebagai **Kadar Bekerja Graduan,** iaitu **perkadaran graduan baharu yang bekerja kepada bilangan graduan baharu dalam tenaga buruh.** Pasaran **tenaga buruh** merangkumi graduan berstatus **bekerja** dan **belum bekerja**. Kaedah pengiraan **Kadar Bekerja Graduan** ini telah diselaraskan dengan kadar yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan International Labour Organization (ILO) di peringkat antarabangsa.


Pengiraan adalah seperti berikut :

$$\text{Kadar Bekerja Graduan} = \frac{\text{Bilangan graduan baharu yang bekerja}}{\text{Bilangan graduan baharu dalam tenaga buruh}} \times 100$$

3.1 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Jantina, 2025

- Secara keseluruhan, kadar bekerja graduan warganegara tahun 2025 merekodkan 92.3 peratus, iaitu seramai 217,768 graduan daripada 236,047 graduan dalam tenaga buruh. Selebihnya, iaitu 7.7 peratus (18,279 graduan) merupakan graduan belum bekerja.
- Kadar bekerja graduan lelaki mencatatkan sebanyak 93.4 peratus (96,783 graduan) lebih tinggi berbanding perempuan sebanyak 91.4 peratus (120,985 graduan).

Carta 3.1a Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Jantina, 2025




n= Jumlah responden dalam tenaga buruh

3.1.1 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Jenis IPT, 2025

- UA, IPTS, politeknik dan kolej komuniti mencatatkan kadar bekerja graduan masing-masing sebanyak 94.7 peratus, 86.8 peratus, 98.5 peratus dan 98.8 peratus.
- Sebanyak lima (5) ILKA merekodkan kadar bekerja graduan antara 90.8 hingga 98.9 peratus. Kadar tertinggi dicatatkan oleh graduan ILKA KKDW (98.9%), diikuti ILKA KESUMA (94.1%), ILKBS (91.8%), kolej vokasional (91.0%) dan ILKA MOTAC (90.8%).
- Sementara itu, kadar bekerja graduan ILKAP KPKM adalah 69.8 peratus dan ILKA KKR sebanyak 68.8 peratus.

Carta 3.1b Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Jenis IPT, 2025




n= Jumlah responden dalam tenaga buruh

3.1.2 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Peringkat Pengajian, 2025

- Kadar bekerja graduan bagi semua peringkat pengajian mencatatkan peratusan melebihi 90.0 peratus, kecuali peringkat lain, iaitu sebanyak 89.4 peratus.

Carta 3.1c Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Peringkat Pengajian, 2025




n= Jumlah responden dalam tenaga buruh
*Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah, diploma lanjutan, profesional dan sijil lanjutan.

3.1.3 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Bidang Pengajian, 2025

- Terdapat lima (5) bidang pengajian mencatatkan kadar bekerja graduan melebihi 92.0 peratus, iaitu bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (95.7%), kesihatan & kebajikan (93.0%), teknologi maklumat & komunikasi (92.5%), sains semulajadi, matematik & statistik (92.1%) dan perniagaan, pentadbiran & perundangan (92.0%).
- Sementara itu, bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar dan pendidikan merekodkan kadar bekerja graduan kurang daripada 90.0 peratus, iaitu masing-masing sebanyak 88.5 peratus dan 88.4 peratus.
- Bidang pengajian program & kelayakan generik merekodkan kadar bekerja graduan sebanyak 98.3 peratus dengan jumlah graduan dalam bidang ini hanya 116 orang.

Carta 3.1d Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Bidang Pengajian, 2025




n= Jumlah responden dalam tenaga buruh

*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), kolej vokasional dan Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).

3.1.4 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Bagi Setiap Universiti Awam, 2025

- UTM merekodkan 100.0 peratus graduan yang berada dalam tenaga buruh adalah bekerja, diikuti UPNM (99.6%), UniMAP (99.3%), UTeM (99.2%) dan UniSZA (99.1%).
- Sebanyak 13 UA lain merekodkan kadar bekerja graduan antara 91.5 hingga 98.3 peratus. Manakala terdapat dua (2) UA mencatatkan kadar bekerja graduan kurang daripada 90.0 peratus, iaitu UUM (89.0%) dan UIAM (87.8%).

Carta 3.1e Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Bagi Setiap Universiti Awam, 2025



n= Jumlah responden dalam tenaga buruh

3.1.5 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Bagi IPTS bertaraf Universiti (Melebihi 90.0 peratus), 2025

- Terdapat lapan (8) IPTS bertaraf universiti merekodkan kadar bekerja graduan sebanyak 100.0 peratus dengan Taylor's University (TU), Sunway University (SUN-U) dan Asia Pasific University of Technology & Innovation (APU) mencatatkan bilangan responden terbesar yang melebihi 1,000 graduan.
- Sementara itu, terdapat lima (5) IPTS yang mempunyai bilangan responden melebihi 1,200 orang dan mencatatkan kadar bekerja graduan melebihi 90.0 peratus, iaitu UNITAR International University (UNITAR; 99.8% daripada 2,196 graduan), Multimedia University (MMU; 99.5% daripada 1,699 graduan), Universiti Tunku Abdul Rahman (Kampus Kampar) (UTAR KAMPAR; 98.0% daripada 1,636 graduan), Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM; 95.2% daripada 1,485 graduan) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (Kampus Sungai Long) (UTAR SG LONG; 98.1% daripada 1,274 graduan).

Carta 3.1f Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Bagi IPTS bertaraf Universiti (Melebihi 90.0 peratus), 2025


TU	SUN-U	APU	UCSI U-KL	UniKL-MICET	HWUM	UniKL-MIDI
100.0% n= 1,657	100.0% n= 1,648	100.0% n= 1,036	100.0% n= 364	100.0% n= 211	100.0% n= 96	100.0% n= 90
UCSI U-SARAWAK	MSU	UNITAR	MMU	UniKL-MFI	UniKL-MSI	UniKL MESTECH
100.0% n= 66	99.9% n= 732	99.8% n= 2,196	99.5% n= 1,699	99.3% n= 437	98.9% n= 267	98.2% n= 171
UTAR SG LONG	AeU	UTAR KAMPAR	SUTS	UniKL-RCMP	UniKL-MITEC	UNITEN
98.1% n= 1,274	98.1% n= 320	98.0% n= 1,636	96.9% n= 457	96.7% n= 429	95.9% n= 393	95.7% n= 698
WOU	PUTRABS	UPTM	MUM	UoC	UNISHAMS	UniKL-BiS
95.5% n= 627	95.3% n= 107	95.2% n= 1,485	95.1% n= 1,179	94.9% n= 546	94.6% n= 668	94.0% n= 950
UniKL-MIAT	UniKL-MIIT	INTI IU	UNIMEL	UniKL-BMI	UniKL-MIMET	UTS
92.9% n= 266	92.3% n= 834	91.7% n= 890	91.7% n= 758	91.7% n= 385	90.6% n= 233	90.4% n= 354

n= Jumlah responden dalam tenaga buruh
Nota: IPTS bertaraf universiti dan universiti cawangan luar negara yang mempunyai bilangan responden bekerja melebihi 50 orang.

3.1.6 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Negeri Bermastautin, 2025

- Kadar bekerja graduan tertinggi direkodkan oleh graduan yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Putrajaya (95.5%), diikuti Wilayah Persekutuan Labuan (94.6%) dan Selangor (94.0%). Sebelas (11) negeri mencatatkan kadar bekerja graduan antara 90.1 hingga 93.6 peratus.
- Kadar bekerja graduan yang bermastautin di Kelantan dan Sabah pula adalah masing-masing sebanyak 88.6 peratus dan 88.4 peratus.

Carta 3.1g Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Mengikut Negeri Bermastautin, 2025




n= Jumlah responden dalam tenaga buruh

Nota: 1) Seramai 257 graduan bermastautin di luar negara (kadar bekerja graduan ialah 98.1 peratus).
2) Seramai 156 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0).

3.2 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat PhD dan Sarjana Mengikut Jantina, 2025

- Kadar bekerja graduan PhD ialah 96.4 peratus daripada 3,154 graduan. Graduan lelaki mencatatkan kadar bekerja sebanyak 97.4 peratus dan perempuan 95.7 peratus.
- Bagi sarjana pula, kadar bekerja graduan yang direkodkan ialah 96.8 peratus. Kadar bekerja graduan lelaki ialah 97.6 peratus dan perempuan sebanyak 96.3 peratus.

Carta 3.2a Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat PhD dan Sarjana Mengikut Jantina, 2025




n= Jumlah responden dalam tenaga buruh

3.2.1 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat PhD dan Sarjana Mengikut Jenis IPT, 2025

- Graduan PhD di UA merekodkan kadar bekerja sebanyak 96.4 peratus dan IPTS ialah 96.5 peratus.
- Kadar bekerja graduan sarjana di UA dan IPTS, masing-masing sebanyak 96.8 peratus dan 96.9 peratus. Bagi IPT lain, graduan peringkat PhD dan sarjana mencatatkan kadar bekerja sebanyak 100.0 peratus dengan bilangan graduan seramai empat (4) graduan PhD dan seorang (1) graduan sarjana.

Carta 3.2b Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat PhD dan Sarjana Mengikut Jenis IPT, 2025




n= Jumlah responden dalam tenaga buruh
Nota: IPT lain merujuk kepada graduan Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan.

3.2.2 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat PhD dan Sarjana Mengikut Bidang Pengajian, 2025

- Graduan bidang pengajian teknologi maklumat & komunikasi merekodkan kadar bekerja tertinggi bagi peringkat PhD, iaitu sebanyak 99.2 peratus, diikuti sains sosial, kewartawanan & maklumat (98.7%), pendidikan (98.4%) dan perniagaan, pentadbiran & perundangan (98.0%) graduan. Selain itu, tujuh (7) bidang pengajian lain mencatatkan kadar bekerja graduan antara 92.4 hingga 97.9 peratus.
- Bagi graduan sarjana, semua graduan program & kelayakan generik adalah bekerja dengan bilangan 56 graduan sahaja. Ini diikuti bidang pengajian pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (99.1%) dan pendidikan (98.4%). Bidang pengajian lain pula merekodkan peratusan kadar bekerja antara 92.9 hingga 97.5 peratus.

Carta 3.2c Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat PhD dan Sarjana Mengikut Bidang Pengajian, 2025




n= Jumlah responden dalam tenaga buruh
*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

3.3 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat Ijazah Pertama, Diploma dan Sijil Mengikut Jantina, 2025

- Graduan peringkat ijazah pertama merekodkan kadar bekerja sebanyak 92.2 peratus dengan graduan lelaki sebanyak 92.7 peratus dan perempuan 91.9 peratus.
- Kadar bekerja graduan diploma ialah 90.6 peratus. Graduan lelaki merekodkan kadar bekerja graduan melebihi perempuan sebanyak 3.3 peratus, iaitu masing-masing 92.3 peratus dan 89.0 peratus.
- Bagi peringkat sijil, kadar bekerja graduan yang direkodkan ialah 95.4 peratus. Kadar bekerja graduan lelaki ialah 95.6 peratus dan perempuan sebanyak 94.9 peratus.

Carta 3.3a Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat Ijazah Pertama, Diploma dan Sijil Mengikut Jantina, 2025



n= Jumlah responden dalam tenaga buruh

3.3.1 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat Ijazah Pertama, Diploma dan Sijil Mengikut Jenis IPT, 2025

- Graduan ijazah pertama di UA, IPTS dan politeknik masing-masing merekodkan kadar bekerja graduan sebanyak 94.3 peratus, 88.2 peratus dan 95.0 peratus. Walau bagaimanapun, bilangan graduan ijazah pertama politeknik adalah seramai 141 graduan sahaja.
- Terdapat lima (5) IPT merekodkan kadar bekerja graduan melebihi 95.0 peratus, bagi peringkat diploma, iaitu kolej komuniti (99.5%), politeknik (98.6%), ILKA KKDW (96.7%), ILKA KESUMA (96.2%) dan ILKBS (95.8%). Namun demikian, bilangan graduan diploma kolej komuniti hanya 204 graduan.
- Kadar bekerja tertinggi bagi peringkat sijil direkodkan oleh graduan ILKA KKDW, iaitu 99.4 peratus, diikuti kolej komuniti (98.7%), ILKA MOTAC (96.3%), IPTS (95.3%) dan politeknik (93.5%).

Carta 3.3b Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat Ijazah Pertama, Diploma dan Sijil Mengikut Jenis IPT, 2025




n= Jumlah responden dalam tenaga buruh

3.3.2 Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat Ijazah Pertama, Diploma dan Sijil Mengikut Bidang Pengajian, 2025

- Terdapat dua (2) bidang pengajian mencatatkan kadar bekerja graduan melebihi 94.0 peratus dan graduan melebihi 6,000 orang bagi ijazah pertama, iaitu bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (95.0%) dan kesihatan & kebajikan (94.7%).
- Bagi graduan diploma, kadar bekerja graduan tertinggi ialah bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu sebanyak 95.9 peratus, diikuti teknologi maklumat & komunikasi (92.6%) dan pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar (91.8%).
- Sementara itu, bagi peringkat sijil, kadar bekerja graduan tertinggi ialah bidang sastera & kemanusiaan, iaitu 99.2 peratus, diikuti kesihatan & kebajikan (98.3%) dan teknologi maklumat & komunikasi (96.9%).

Carta 3.3c Kadar Bekerja Graduan (Warganegara) Peringkat Ijazah Pertama, Diploma dan Sijil Mengikut Bidang Pengajian, 2025



n= Jumlah responden dalam tenaga buruh

*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), kolej vokasional dan Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).



Bab 4

MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2025

4.1 Taraf Pekerjaan

4.2 Taraf Jawatan

4.3 Sektor Pekerjaan


4.4 Kumpulan Pekerjaan

4.5 Pendapatan Bulanan

4.6 Sektor Ekonomi

MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2024-2025


Taraf Pekerjaan



*Bermula tahun 2024, bekerja sendiri (e+p-hailing) tidak termasuk dalam usahawan


- Graduan yang bekerja sebagai pekerja swasta (termasuk NGO) merekodkan peningkatan, iaitu sebanyak 1.8 peratus (2024: 69.9%; 2025: 71.7%).
- Pekerja kerajaan dan bekerja sendiri (e+p-hailing) turut mencatatkan peningkatan, masing-masing sebanyak 0.3 peratus dan 0.2 peratus berbanding tahun sebelumnya.
- Graduan yang menceburi bidang usahawan menurun sebanyak 2.1 peratus (2024: 10.9%; 2025: 8.8%).
- Kadar graduan yang bekerja dengan keluarga pula kekal pada 5.6 peratus untuk kedua-dua tahun.

Pendapatan Bulanan



- Julat pendapatan RM3,001 - RM4,000 mencatatkan peratusan tertinggi untuk graduan ijazah pertama tahun 2025, dengan peningkatan kepada 23.8 peratus daripada 22.7 peratus pada tahun 2024.
- Peringkat diploma merekodkan peratusan tertinggi dalam julat pendapatan RM1,501 – RM2,000, iaitu sebanyak 43.2 peratus bagi tahun 2025, berbanding 45.8 peratus pada tahun 2024.


Kategori Tahap Kemahiran



Nota: Bermula tahun 2025, data merangkumi graduan peringkat Diploma sehingga PhD, berdasarkan struktur pengelasan kod Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO)

- **Mahir:** Sebanyak 72.1 peratus graduan bekerja dalam kumpulan mahir pada tahun 2025, mencatatkan kenaikan sebanyak 2.7 peratus berbanding tahun 2024 (69.4%). Kumpulan ini merangkumi pengurus, profesional serta juruteknik dan profesional bersekutu.
- **Sederhana mahir:** Peratusan graduan bagi kategori sederhana mahir menurun kepada 24.2 peratus berbanding 27.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Kumpulan ini termasuk pekerja sokongan perkeranian, pekerja perkhidmatan & jualan, pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan, pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan, serta operasi mesin & loji dan pemasang.
- **Kemahiran rendah:** Kumpulan pekerja kemahiran rendah pula mencatatkan peningkatan peratusan pekerja asas kepada 3.7 peratus berbanding 3.2 peratus pada tahun 2024.

3 Sektor Ekonomi Tertinggi



- Sektor pembuatan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.6 peratus, iaitu daripada 10.6 peratus (2024) kepada 11.2 peratus pada tahun 2025.
- Sektor perkhidmatan pula mencatatkan sedikit penurunan sebanyak 0.4 peratus kepada 79.8 peratus pada tahun 2025 berbanding 80.2 peratus pada tahun sebelumnya.
- Bagi sektor pembinaan, peratusan kekal pada 6.8 peratus bagi kedua-dua tahun.

n= Jumlah responden

Bab ini memaparkan maklumat pekerjaan bagi graduan warganegara tahun 2025 yang merangkumi taraf pekerjaan, taraf jawatan, kumpulan pekerjaan, pendapatan bulanan dan sektor ekonomi mengikut peringkat pengajian serta jenis IPT. Selaras dengan ketetapan definisi operasi yang telah dimurnikan pada tahun 2024, kategori usahawan hanya memfokuskan kepada graduan yang menepati tiga (3) syarat asas, iaitu *set up, managing dan upscale business*. Sebaliknya, graduan yang bekerja sendiri dalam perkhidmatan pengangkutan penumpang (e-hailing) atau penghantar barang (p-hailing) dikecualikan daripada kategori usahawan.

4.1 Taraf pekerjaan

4.1.1 Taraf Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Jenis IPT

- Pekerja swasta (termasuk NGO) mencatatkan peratusan tertinggi tahun 2025 bagi semua jenis IPT, dengan peratusan antara 58.4 hingga 80.1 peratus.
- ILKA KKDW merekodkan peratusan tertinggi graduan usahawan dengan 20.3 peratus (2,288 graduan).

Jadual 4a Taraf Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	Taraf pekerjaan (%)							
		Pekerja swasta (termasuk NGO)	Pekerja kerajaan	Bekerja dengan keluarga	*Bekerja sendiri (e+p-hailing)	**Usahawan (a+b+c)	Bekerja sendiri (a)	Majikan (b)	*Freelance*/ pekerja gig (c)
UA	**100,790**	68.7	17.9	5.3	0.4	7.8	3.5	1.4	2.9
IPTS	**68,830**	75.5	11.5	4.1	0.3	8.6	3.2	2.3	3.1
Politeknik	**16,308**	78.2	8.3	6.6	0.8	6.2	3.2	1.3	1.7
Kolej komuniti	**3,892**	71.4	6.2	9.8	0.6	12.0	5.7	1.7	4.6
ILKA KKDW	**11,269**	59.7	4.8	14.1	1.1	20.3	15.0	2.3	3.1
Kolej vokasional	**7,065**	74.1	8.3	6.4	0.9	10.3	4.4	3.0	2.8
ILKA KESUMA	**5,367**	79.2	8.2	4.7	0.6	7.2	4.0	1.5	1.8
ILKBS	**2,349**	80.1	7.0	5.8	0.7	6.4	3.6	1.3	1.5
ILKAP KPKM	**368**	58.4	10.9	14.1	0.5	16.0	10.6	3.8	1.6
ILKA KKR	**364**	74.2	3.0	3.0	1.1	18.7	6.0	4.4	8.2
ILKA MOTAC	**59**	71.2	16.9	6.8	-	5.1	5.1	-	-
IPT lain	**1,107**	68.3	7.3	7.0	0.7	16.6	5.3	2.6	8.7
Keseluruhan	**217,768**	**71.7**	**13.5**	**5.6**	**0.5**	**8.8**	**4.1**	**1.8**	**2.9**

*Bermula tahun 2024, bekerja sendiri (e+p-hailing) tidak termasuk dalam usahawan.
**Sebarang perbezaan pada data agregat adalah disebabkan pembundaran.

4.1.2 Taraf Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Peringkat Pengajian

- Seramai 1,686 atau 55.5 peratus graduan peringkat PhD berkhidmat sebagai pekerja kerajaan.
- Pekerja swasta (termasuk NGO) merupakan taraf pekerjaan utama bagi graduan ijazah pertama dan diploma dengan masing-masing merekodkan peratusan sebanyak 76.6 peratus (83,893 graduan) dan 75.1 peratus (45,181 graduan).
- Peratusan graduan menjadi usahawan adalah tertinggi pada peringkat sijil (16.2%; 2,867 graduan), iaitu merangkumi bekerja sendiri (11.1%; 1,964 graduan), *freelance*/pekerja gig (3.1%; 552 graduan) dan sebagai majikan (2.0%; 351 graduan).

Jadual 4b Taraf Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah responden	Taraf pekerjaan (%)							
		Pekerja swasta (termasuk NGO)	Pekerja kerajaan	Bekerja dengan keluarga	**Bekerja sendiri (e+p-hailing)	***Usahawan (a+b+c)	Bekerja sendiri (a)	Majikan (b)	*Freelance*/ pekerja gig (c)
PhD	**3,040**	35.1	55.5	1.0	0.1	8.4	4.2	1.8	2.3
Sarjana	**16,576**	55.9	34.7	1.5	0.1	7.8	3.4	2.3	2.1
Ijazah pertama	**109,489**	76.6	10.4	5.1	0.3	7.5	3.1	1.5	3.0
Diploma	**60,180**	75.1	8.7	6.4	0.7	9.1	3.7	2.3	3.0
Sijil	**17,713**	64.6	6.8	11.6	0.8	16.2	11.1	2.0	3.1
*Peringkat lain	**10,770**	48.5	37.5	4.0	0.6	9.4	6.2	1.0	2.2
Keseluruhan	**217,768**	**71.7**	**13.5**	**5.6**	**0.5**	**8.8**	**4.1**	**1.8**	**2.9**

*Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah, diploma lanjutan, profesional dan sijil lanjutan.
**Bermula tahun 2024, bekerja sendiri (e+p-hailing) tidak termasuk dalam usahawan.
***Sebarang perbezaan pada data agregat adalah disebabkan pembundaran.

4.1.3 Taraf Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Bidang Pengajian

- Graduan bidang teknologi maklumat & komunikasi merekodkan peratusan tertinggi berkhidmat sebagai pekerja swasta (termasuk NGO), iaitu sebanyak 83.1 peratus (13,109 graduan), diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (78.3%; 43,205 graduan) dan perniagaan, pentadbiran & perundangan (77.6%; 45,751 graduan).
- Sementara itu, seramai 3,210 graduan (17.9%) bidang sastera & kemanusiaan telah memilih menjadi usahawan.

Jadual 4c Taraf Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	Taraf pekerjaan (%)							
		Pekerja swasta (termasuk NGO)	Pekerja kerajaan	Bekerja dengan keluarga	**Bekerja sendiri (e+p-hailing)	***Usahawan (a+b+c)	Bekerja sendiri (a)	Majikan (b)	*Freelance*/ pekerja gig (c)
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**58,953**	77.6	10.1	4.8	0.3	7.2	2.8	2.2	2.2
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**55,180**	78.3	6.8	6.0	0.7	8.1	4.2	1.5	2.3
*Pendidikan	**20,319**	49.8	34.7	5.4	0.5	9.7	5.4	1.6	2.8
Sastera dan kemanusiaan	**17,932**	59.4	14.2	7.9	0.6	17.9	8.8	2.3	6.9
Teknologi maklumat dan komunikasi	**15,767**	83.1	6.0	3.8	0.3	6.7	2.4	1.4	2.9
Perkhidmatan	**13,647**	71.9	10.8	6.9	0.7	9.7	4.9	2.4	2.5
Kesihatan dan kebajikan	**12,343**	56.6	34.5	3.7	0.1	5.1	2.2	1.1	1.8
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**11,711**	67.0	17.0	5.4	0.4	10.2	4.1	1.4	4.7
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**8,977**	74.6	11.2	6.9	0.3	7.1	2.9	1.2	2.9
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	**2,825**	64.2	12.4	11.4	0.6	11.5	6.5	2.8	2.2
Program dan kelayakan generik	**114**	72.8	12.3	6.1	-	8.8	4.4	0.9	3.5
Keseluruhan	**217,768**	**71.7**	**13.5**	**5.6**	**0.5**	**8.8**	**4.1**	**1.8**	**2.9**

*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), kolej vokasional dan Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).
**Bermula tahun 2024, bekerja sendiri (e+p-hailing) tidak termasuk dalam usahawan.
***Sebarang perbezaan pada data agregat adalah disebabkan pembundaran.

4.2 Taraf jawatan

4.2.1 Taraf Jawatan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Jenis IPT

- Seramai 103,419 graduan (55.8%) bekerja secara tetap bagi tahun 2025, selebihnya bertaraf kontrak (29.2%; 54,115 graduan), sementara (10.0%; 18,595 graduan) dan sambilan/separa (5.0%; 9,299 graduan).
- Kolej komuniti merekodkan peratusan tertinggi graduan yang bekerja tetap, iaitu sebanyak 61.7 peratus (1,862 graduan), diikuti IPTS (61.1%; 36,583 graduan) dan ILKBS (60.8%; 1,243 graduan).
- ILKA KKR mencatatkan peratusan tertinggi bagi kategori kontrak dengan 63.7 peratus (179 graduan), manakala lain-lain IPT merekodkan peratusan antara 15.4 hingga 33.8 peratus.
- Graduan ILKAP KPKM pula merekodkan peratusan tertinggi bagi taraf pekerjaan sementara (26.3%; 67 graduan), diikuti IPT lain (22.5%; 188 graduan) dan ILKA MOTAC (19.2%; 10 graduan).

Jadual 4d Taraf Jawatan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	Taraf jawatan (%)			
		Tetap	Kontrak	Sementara	Sambilan/ separa
UA	**87,224**	53.1	32.8	9.0	5.1
IPTS	**59,826**	61.1	24.5	9.5	4.8
Politeknik	**14,099**	57.9	25.5	11.1	5.5
Kolej komuniti	**3,020**	61.7	17.6	15.2	5.5
ILKA KKDW	**7,269**	44.9	33.8	16.3	5.0
Kolej vokasional	**5,826**	50.9	28.5	15.1	5.5
ILKA KESUMA	**4,694**	53.3	33.2	10.9	2.6
ILKBS	**2,045**	60.8	26.9	10.4	1.9
ILKA KKR	**281**	25.3	63.7	9.6	1.4
ILKAP KPKM	**255**	43.9	26.3	26.3	3.5
ILKA MOTAC	**52**	55.8	15.4	19.2	9.6
IPT lain	**837**	34.8	28.7	22.5	14.1
Keseluruhan	**185,428**	**55.8**	**29.2**	**10.0**	**5.0**

Nota: Merangkumi graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO).

4.2.2 Taraf Jawatan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Peringkat Pengajian

- Lima (5) peringkat pengajian mencatatkan peratusan tertinggi graduan yang bekerja tetap dengan peringkat sarjana mencatatkan 80.7 peratus (12,111 graduan), diikuti PhD (73.7%; 2,030 graduan), ijazah pertama (55.5%; 52,868 graduan), diploma (52.8%; 26,601 graduan) dan sijil (50.5%; 6,387 graduan).
- Bagi peringkat lain pula peratusan tertinggi graduan bekerja secara kontrak, iaitu sebanyak 47.8 peratus (4,423 graduan).

Jadual 4e Taraf Jawatan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah responden	Taraf jawatan (%)			
		Tetap	Kontrak	Sementara	Sambilan/ Separa
PhD	**2,753**	73.7	18.9	2.7	4.6
Sarjana	**15,014**	80.7	15.2	1.9	2.2
Ijazah pertama	**95,327**	55.5	31.3	8.7	4.5
Diploma	**50,427**	52.8	26.4	14.1	6.8
Sijil	**12,645**	50.5	29.5	15.4	4.6
*Peringkat lain	**9,262**	36.9	47.8	9.3	6.0
Keseluruhan	**185,428**	**55.8**	**29.2**	**10.0**	**5.0**

Nota: Merangkumi graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO).
*Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah, diploma lanjutan, profesional dan sijil lanjutan.

4.2.3 Taraf Jawatan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Bidang Pengajian

- Terdapat dua (2) bidang pengajian mempunyai graduan melebihi 8,000 dengan 60.0 peratus dan ke atas bagi taraf jawatan tetap, iaitu bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (63.8%; 32,971 graduan) dan teknologi maklumat & komunikasi (60.0%; 8,437 graduan).
- Sebanyak 16.3 peratus (353 graduan) dalam bidang pertanian, perhutanan, perikanan & veterinar memegang jawatan bertaraf sementara.
- Bagi taraf kontrak, bidang pendidikan merekodkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 36.3 peratus (6,228 graduan).

Jadual 4f Taraf Jawatan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	Taraf jawatan (%)			
		Tetap	Kontrak	Sementara	Sambilan/ Separa
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**51,704**	63.8	23.4	8.8	4.0
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**46,979**	56.4	31.3	9.0	3.2
*Pendidikan	**17,158**	42.0	36.3	14.2	7.5
Teknologi maklumat dan komunikasi	**14,057**	60.0	29.6	6.6	3.8
Sastera dan kemanusiaan	**13,199**	42.1	33.0	15.6	9.3
Perkhidmatan	**11,293**	57.9	23.7	12.0	6.4
Kesihatan dan kebajikan	**11,241**	55.8	30.4	9.0	4.8
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**9,834**	49.7	33.1	9.8	7.4
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**7,703**	51.8	32.4	9.2	6.6
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	**2,163**	45.9	31.5	16.3	6.3
Program dan kelayakan generik	**97**	67.0	24.7	3.1	5.2
Keseluruhan	**185,428**	**55.8**	**29.2**	**10.0**	**5.0**

Nota: Merangkumi graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO).
*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), kolej vokasional dan Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).

4.3 Sektor Pekerjaan

4.3.1 Sektor Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Jenis IPT

- Syarikat tempatan merupakan sektor pilihan utama bagi graduan 2025 dengan catatan sebanyak 54.4 peratus (118,477 graduan). ILKA KKR merekodkan peratusan tertinggi, iaitu 86.5 peratus (315 graduan), manakala lain-lain institusi mencatatkan peratusan antara 47.4 hingga 71.1 peratus bagi sektor yang sama.
- Graduan IPTS yang bekerja dalam sektor syarikat multinasional merekodkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 17.9 peratus (12,291 graduan), diikuti UA 15.9 peratus (16,015 graduan). Walau bagaimanapun, UA mempunyai jumlah graduan lebih ramai berbanding IPTS.
- Sektor ekonomi gig mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu seramai 1,298 graduan (11.5%) daripada ILKA KKDW, diikuti kolej komuniti (10.5%; 409 graduan) dan ILKAP KPKM (9.5%; 35 graduan).
- Graduan UA merekodkan peratusan tertinggi dalam sektor kerajaan persekutuan (10.3%; 10,429 graduan).

Jadual 4g Sektor Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	Sektor pekerjaan (%)							
		Syarikat tempatan	Syarikat multinasional	Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)	Kerajaan persekutuan	*Ekonomi gig	Kerajaan negeri/ tempatan	Syarikat berkaitan kerajaan (GLC)	Badan berkanun
UA	**100,790**	47.4	15.9	6.9	10.3	6.6	4.6	5.3	3.0
IPTS	**68,830**	56.5	17.9	7.7	5.7	3.6	4.2	2.9	1.5
Politeknik	**16,308**	60.8	13.8	8.8	3.5	5.6	3.7	2.9	1.0
Kolej komuniti	**3,892**	68.4	8.9	4.8	2.1	10.5	3.7	1.2	0.4
ILKA KKDW	**11,269**	71.1	5.7	5.9	1.5	11.5	2.8	1.0	0.5
Kolej vokasional	**7,065**	66.6	9.6	8.2	2.4	6.0	5.4	1.3	0.5
ILKA KESUMA	**5,367**	66.9	10.2	8.2	2.9	4.5	4.6	2.0	0.7
ILKBS	**2,349**	69.9	8.9	8.2	2.6	4.0	3.7	2.1	0.7
ILKAP KPKM	**368**	62.5	6.0	9.2	0.8	9.5	5.4	1.9	4.6
ILKA KKR	**364**	86.5	2.2	0.8	1.6	6.6	1.4	0.8	-
ILKA MOTAC	**59**	64.4	3.4	13.6	8.5	-	6.8	1.7	1.7
IPT lain	**1,107**	62.0	12.3	9.4	3.5	7.4	3.1	1.6	0.7
Keseluruhan	**217,768**	**54.4**	**15.2**	**7.3**	**7.2**	**5.8**	**4.3**	**3.8**	**2.0**

*contoh: Grab/FoodPanda/Lalamove/*Dropship Agent*/*Personal Shopper* dan lain-lain.

4.3.2 Sektor Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Peringkat Pengajian

- Peratusan tertinggi graduan PhD adalah bekerja dalam sektor kerajaan persekutuan, iaitu sebanyak 30.9 peratus (940 graduan), diikuti syarikat tempatan dan badan berkanun, masing-masing mencatatkan sebanyak 26.6 peratus (808 graduan) dan 20.1 peratus (611 graduan).
- Bagi peringkat sarjana, syarikat tempatan merekodkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 34.7 peratus (5,755 graduan), diikuti kerajaan persekutuan (26.3%; 4,367 graduan) dan syarikat multinasional (19.1%; 3,169 graduan).
- Syarikat tempatan turut menjadi tumpuan graduan peringkat ijazah pertama, diploma dan sijil dengan peratusan melebihi 52.0 peratus.

Jadual 4h Sektor Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Peringkat Pengajian

Sektor pekerjaan	Peringkat pengajian (%)					
	PhD (n= 3,040)	Sarjana (n= 16,576)	Ijazah pertama (n= 109,489)	Diploma (n= 60,180)	Sijil (n= 17,713)	*Peringkat lain (n= 10,770)
Badan berkanun	20.1	4.3	1.7	1.0	0.9	4.3
Syarikat multinasional	8.6	19.1	19.6	11.2	5.7	4.8
Syarikat tempatan	26.6	34.7	52.8	62.1	69.9	40.3
Syarikat berkaitan kerajaan (GLC)	5.1	6.0	5.0	2.1	1.1	1.8
Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)	2.2	3.2	6.5	10.2	6.3	8.3
Kerajaan persekutuan	30.9	26.3	5.5	3.3	2.2	18.1
Kerajaan negeri/tempatan	4.4	4.0	3.2	4.5	3.8	15.1
**Ekonomi gig	2.1	2.3	5.7	5.7	10.2	7.4

*Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah, diploma lanjutan, profesional dan sijil lanjutan.
**contoh: Grab/FoodPanda/Lalamove/*Dropship Agent*/*Personal Shopper* dan lain-lain.

4.3.3 Sektor Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Bidang Pengajian

- Syarikat tempatan menjadi sektor pekerjaan utama bagi lima (5) bidang pengajian dengan peratusan melebihi 55.0 peratus, iaitu bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan sebanyak 61.1 peratus (33,740 graduan), perkhidmatan (57.8%; 7,893 graduan), sastera & kemanusiaan (56.5%; 10,139 graduan), Perniagaan, pentadbiran & perundangan (55.7%; 32,864) dan teknologi maklumat & komunikasi (55.4%; 8,740 graduan).
- Bagi syarikat multinasional, program & kelayakan generik mencatat peratusan tertinggi (33.3%).
- Lebih 20.0 peratus graduan bidang pendidikan dan kesihatan & kebajikan bekerja dalam sektor kerajaan persekutuan.

Jadual 4i Sektor Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	Sektor pekerjaan (%)							
		Syarikat tempatan	Syarikat multinasional	Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)	Kerajaan persekutuan	**Ekonomi gig	Kerajaan negeri/ tempatan	Syarikat berkaitan kerajaan (GLC)	Badan berkanun
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**58,953**	55.7	20.0	5.0	5.3	4.1	2.5	5.1	2.2
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**55,180**	61.1	16.2	6.8	2.9	5.4	2.9	3.6	1.0
*Pendidikan	**20,319**	41.5	4.6	9.6	20.4	8.2	11.3	1.4	3.0
Sastera dan kemanusiaan	**17,932**	56.5	7.7	9.1	5.2	10.5	6.9	2.0	2.0
Teknologi maklumat dan komunikasi	**15,767**	55.4	23.7	5.5	2.9	4.1	1.8	5.3	1.3
Perkhidmatan	**13,647**	57.8	13.0	9.3	5.9	6.5	3.8	2.5	1.1
Kesihatan dan kebajikan	**12,343**	40.1	6.8	12.3	22.9	3.7	7.3	2.6	4.3
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**11,711**	50.1	13.9	7.7	9.3	6.9	5.1	4.3	2.6
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**8,977**	47.6	20.9	8.0	5.9	7.0	2.7	5.2	2.7
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	**2,825**	54.2	8.2	9.3	3.9	9.6	5.1	6.3	3.5
Program dan kelayakan generik	**114**	35.1	33.3	7.9	6.1	7.0	0.9	4.4	5.3
Keseluruhan	**217,768**	**54.4**	**15.2**	**7.3**	**7.2**	**5.8**	**4.3**	**3.8**	**2.0**

*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), kolej vokasional dan Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).
**contoh: Grab/FoodPanda/Lalamove/*Dropship Agent*/*Personal Shopper* dan lain-lain.

4.4 Kumpulan Pekerjaan

4.4.1 Kumpulan Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025

- Secara keseluruhan, graduan tahun 2025 yang bekerja dalam kumpulan profesional merekodkan peratusan sebanyak 49.8 peratus atau 108,350 graduan, diikuti juruteknik & profesional bersekutu (15.9%; 34,627 graduan), pekerja perkhidmatan & jualan (10.9%; 23,806 graduan) dan pekerja sokongan perkeranian (9.1%; 19,826 graduan).
- Sementara itu, kumpulan pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan (0.4%; 764 graduan) dan angkatan tentera (0.2%; 407 graduan), masing-masing merekodkan peratusan kurang daripada 1.0 peratus.

Carta 4.1a Kumpulan Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025



n= Jumlah responden

4.4.2 Kumpulan Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Peringkat Pengajian

- Kumpulan pekerjaan profesional menjadi pilihan utama sebahagian besar peringkat pengajian, dengan peratusan tertinggi graduan PhD iaitu sebanyak 85.8 peratus (2,607 graduan). Sementara itu, bagi kategori pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan, graduan peringkat sijil mencatatkan peratusan sebanyak 21.4 peratus (3,793 graduan).

Jadual 4j Kumpulan Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Peringkat Pengajian

Kumpulan pekerjaan	Peringkat pengajian (%)					
	PhD (n= 3,040)	Sarjana (n= 16,576)	Ijazah pertama (n= 109,489)	Diploma (n= 60,180)	Sijil (n= 17,713)	*Peringkat lain (n= 10,770)
Pengurus	7.2	11.2	3.5	2.6	1.2	2.2
Profesional	85.8	74.6	58.0	31.7	20.5	66.4
Juruteknik dan profesional bersekutu	4.5	7.9	14.2	22.4	18.8	7.7
Pekerja sokongan perkeranian	0.7	2.8	10.1	11.2	3.5	8.2
Pekerja perkhidmatan dan jualan	0.9	1.9	8.9	16.7	15.8	8.0
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	0.2	0.1	0.3	0.4	1.0	0.3
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	0.2	0.2	0.8	4.3	21.4	3.0
Operator mesin dan loji, dan pemasang	0.2	0.3	1.2	4.0	7.5	1.3
Pekerja asas	0.3	0.5	2.8	6.8	10.1	2.1
Angkatan tentera	0.1	0.5	0.2	0.1	0.2	0.7

*Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma siswazah, sijil siswazah, diploma lanjutan, profesional dan sijil lanjutan.

4.4.3 Kumpulan Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Bidang Pengajian

- Bidang program & kelayakan generik (70.2%; 80 graduan), kesihatan & kebajikan (69.4%; 8,569 graduan), pendidikan (69.1%; 14,031 graduan) dan teknologi maklumat & komunikasi (67.5%; 10,639 graduan) merupakan empat (4) bidang pengajian yang mencatatkan peratusan melebihi 60.0 peratus yang bekerja dalam kumpulan profesional.
- Graduan bidang program & kelayakan generik turut mencatatkan peratusan tertinggi dalam kumpulan pekerjaan pengurus, iaitu sebanyak 7.0 peratus (8 graduan), diikuti bidang perniagaan, pentadbiran & perundangan (6.5%; 3,828 graduan) dan sains sosial, kewartawanan & maklumat (4.4%; 513 graduan).
- Bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan pula merekodkan peratusan tertinggi sebanyak 25.0 peratus (13,807 graduan) bagi kumpulan juruteknik & profesional bersekutu.

Jadual 4k Kumpulan Pekerjaan Graduan (Warganegara) 2025 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	Kumpulan pekerjaan (%)									
		Pengurus	Profesional	Juruteknik dan profesional bersekutu	Pekerja sokongan perkeranian	Pekerja perkhidmatan dan jualan	Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	Operator mesin dan loji, dan pemasang	Pekerja asas	Angkatan tentera
Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	**58,953**	6.5	46.5	13.0	17.5	10.9	0.1	0.5	1.5	3.3	0.1
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	**55,180**	2.1	41.2	25.0	3.5	6.9	0.4	10.3	4.6	5.8	0.2
*Pendidikan	**20,319**	2.1	69.1	5.8	6.3	11.6	0.3	0.8	1.4	2.6	0.0
Sastera dan kemanusiaan	**17,932**	2.6	52.8	11.1	7.1	14.0	0.3	5.0	2.3	4.6	0.1
Teknologi maklumat dan komunikasi	**15,767**	3.4	67.5	12.1	4.8	6.9	0.1	0.8	1.6	2.7	0.1
Perkhidmatan	**13,647**	3.5	24.6	19.2	10.7	28.3	0.2	1.7	3.1	7.7	1.0
Kesihatan dan kebajikan	**12,343**	1.0	69.4	16.8	2.9	6.8	0.2	0.2	0.7	1.9	0.2
Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	**11,711**	4.4	54.0	12.0	12.3	12.0	0.2	0.5	1.2	3.3	0.1
Sains semulajadi, matematik dan statistik	**8,977**	2.9	54.2	16.8	8.6	12.1	0.4	0.6	1.2	3.2	0.1
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	**2,825**	3.4	29.3	16.1	9.5	15.5	7.2	0.8	3.9	14.4	-
Program dan kelayakan generik	**114**	7.0	70.2	9.6	4.4	7.0	-	0.9	-	0.9	-
Keseluruhan	**217,768**	**3.6**	**49.8**	**15.9**	**9.1**	**10.9**	**0.4**	**3.5**	**2.4**	**4.3**	**0.2**

*Pendidikan merujuk kepada graduan baharu dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), kolej vokasional dan Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Sumber Manusia (ILKA KESUMA).

4.5 Pendapatan Bulanan

4.5.1 Pendapatan Bulanan Graduan (Warganegara) 2025 bagi Peringkat PhD dan Sarjana Mengikut Jenis IPT

- Peringkat PhD dan sarjana menunjukkan peratusan tertinggi dalam julat pendapatan RM5,001 – RM10,000, iaitu sebanyak 49.0 peratus (1,484 graduan) peringkat PhD dan 36.9 peratus (6,094 graduan) bagi sarjana.
- Dalam julat yang sama, graduan PhD UA mencatatkan peratusan sebanyak 50.4 peratus (1,247 graduan) dan IPTS adalah 43.0 peratus (235 graduan), manakala bagi sarjana UA dan IPTS, masing-masing merekodkan 37.0 peratus (4,172 graduan) dan 36.8 peratus (1,921 graduan).

Jadual 4l Pendapatan Bulanan Graduan (Warganegara) 2025 bagi Peringkat PhD dan Sarjana Mengikut Jenis IPT

Peringkat pengajian	Jenis IPT	Jumlah responden	Pendapatan bulanan (%)						
			RM2,000 dan ke bawah	RM2,001 – RM2,500	RM2,501 – RM3,000	RM3,001 – RM4,000	RM4,001 – RM5,000	RM5,001 – RM10,000	Lebih daripada RM10,000
PhD	UA	**2,476**	7.8	3.8	4.5	6.9	8.0	50.4	18.8
	IPTS	**546**	5.7	2.0	5.5	8.8	8.1	43.0	26.9
	IPT lain	**4**	-	-	-	-	-	50.0	50.0
	Keseluruhan	**3,026**	**7.4**	**3.5**	**4.7**	**7.2**	**8.0**	**49.0**	**20.3**
Sarjana	UA	**11,286**	8.8	6.1	6.7	17.5	13.5	37.0	10.4
	IPTS	**5,216**	4.4	3.0	5.5	16.6	14.6	36.8	19.1
	IPT lain	**1**	-	-	-	-	-	100.0	-
	Keseluruhan	**16,503**	**7.4**	**5.1**	**6.3**	**17.2**	**13.9**	**36.9**	**13.1**

Nota: Tidak termasuk graduan yang bekerja dengan keluarga (tiada upah/gaji).

4.5.2 Pendapatan Bulanan Graduan (Warganegara) 2025 bagi Peringkat Ijazah Pertama, Diploma dan Sijil Mengikut Jenis IPT

- Peringkat ijazah pertama mencatatkan peratusan tertinggi dalam julat pendapatan RM3,001 – RM4,000, iaitu sebanyak 23.8 peratus (25,627 graduan), diikuti julat RM2,001 – RM2,500 (18.9%; 20,358 graduan) dan RM2,501 – RM3,000 (17.3%; 18,712 graduan).
- Sebanyak 43.2 peratus atau 25,609 graduan diploma menerima pendapatan dalam julat RM1,501 – RM2,000, diikuti RM2,001 – RM2,500 (23.5%; 13,914 graduan).
- Graduan peringkat sijil pula merekodkan peratusan tertinggi dalam julat pendapatan RM1,501 – RM2,000, iaitu seramai 7,784 graduan (44.9%).

Jadual 4m Pendapatan Bulanan Graduan (Warganegara) 2025 bagi Peringkat Ijazah Pertama, Diploma dan Sijil Mengikut Jenis IPT

Peringkat pengajian	Jenis IPT	Jumlah responden	Pendapatan bulanan (%)								
			RM1,000 dan ke bawah	RM1,001 – RM1,500	RM1,501 – RM2,000	RM2,001 – RM2,500	RM2,501 – RM3,000	RM3,001 – RM4,000	RM4,001 – RM5,000	RM5,001 – RM10,000	Lebih daripada RM10,000
Ijazah pertama	UA	**72,794**	7.9	5.8	19.5	21.4	17.3	19.1	5.6	2.9	0.5
	IPTS	**34,867**	3.9	3.6	9.3	13.5	17.4	33.5	11.6	6.1	1.2
	Politeknik	**134**	1.5	1.5	9.0	29.9	22.4	28.4	4.5	2.2	0.7
